ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI 70 TAHUN 1956-2026
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*


MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"SEORANG Muslim (yang sejati) adalah orang yang mana kaum Muslim lainnya selamat daripada (bahaya) lisan dan tangannya".
- Hadis Riwayat Imam Muslim

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.42 | SUBUH 4.52 | SYURUK 6.09 | DUHA 6.32 | ZUHUR 12.14 | ASAR 3.21 | MAGHRIB 6.16 | ISYAK 7.25
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 71 BILANGAN 114 | 23 SEPTEMBER 2026 / 1448 ربيع الأخير 11 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


# BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Penjaga Dua Masjid Suci, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Raja Arab Saudi dan Duli Yang Teramat Mulia Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Putera Mahkota dan Perdana Menteri Kerajaan Arab Saudi.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Penjaga Dua Masjid Suci, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Raja Arab Saudi dan Duli Yang Teramat Mulia Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Putera Mahkota dan Perdana Menteri Kerajaan Arab Saudi dan kerajaan serta rakyat Arab Saudi sempena dengan Ulang Tahun Hari Kebangsaan yang Ke-96 negara tersebut.

# Mempertingkatkan keupayaan sistem makmal berdaya tahan

**Oleh : Aimi Sani**

**GADONG**, Selasa, 22 September. - Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Sekretariat Rangkaian Makmal Kesihatan Awam Serantau (Regional Public Health Laboratory - RPHL) telah mengadakan Forum Perkongsian Tahunan Rangkaian Makmal Kesihatan Awam Serantau 2026 bertempat di Rizqun International Hotel, Gadong, di sini.

Forum yang bertemakan 'Advancing Partnerships for Sustainable Laboratory Responses : From Partnership to Preparedness' itu menghimpunkan wakil daripada makmal kebangsaan, pakar bidang, rakan pembangunan, rangkaian serantau serta pihak berkepentingan dari seluruh Asia dan Pasifik.

Forum bertujuan memperkukuh kerjasama, berkongsi kepakaran serta meningkatkan keupayaan sistem makmal yang mampan dan berdaya tahan dalam menghadapi ancaman kesihatan awam.

Salah satu acara kemuncak dalam majlis tersebut ialah Majlis Pelancaran Rasmi Pelan Strategik Makmal Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam National Laboratory Strategic Plan - BDNLSP) 2026 - 2030 yang disempurnakan oleh Menteri Penyelaras Bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

>> Muka 3

# Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Guru Ke-36

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 September. - Bersempena dengan Sambutan Hari Guru Ke-36, Tahun 2026, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan pada petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran, bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara, di sini.

Hadir, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal; Setiausaha Tetap, KHEU, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad dan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Haji Ahmad.

Turut hadir, Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan serta para pegawai kanan dari KHEU dan Kementerian Pendidikan.

>> Muka 3


IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama




PERSIDANGAN kehakiman sediakan platform perbincangan ketua hakim Asia, Pasifik
Muka 5



MEWUJUDKAN persekitaran mukim yang bersih, selamat, harmoni
Muka 9



MAJLIS memperkukuh ukhuwah, berkongsi pengalaman menangani isu kanser
Muka 11




GURU : Suluh bangsa, tunjang negara
Muka 21

# Brunei komited memperkasa integriti kewangan melalui kerjasama serantau APG



**MENTERI Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa berucap pada Majlis Perasmian Mesyuarat Tahunan Asia / Pacific Group on Money Laundering (APG) dan Technical Assistance Forum 2026 pada Khamis, 30 Julai 2026 yang berlangsung di Indera Samudera Grand Hall, The Empire Brunei.**

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Awang Haji Mirazman Haji Othman**

**Bismillahir Rahmanir Rahim.**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi semua.**

**BAGI** pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, saya mengucapkan selamat datang kepada semua perwakilan. Menjadi satu penghormatan dan kegembiraan besar bagi kami untuk menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Tahunan Asia / Pacific Group on Money Laundering (APG) dan Technical Assistance Forum 2026 di Bandar Seri Begawan.

Acara ini menandakan kali pertama Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Tahunan APG. Dengan menghimpunkan rangkaian yang begitu luas, perhimpunan ini berdiri sebagai badan serantau berasaskan model Financial Action Task Force (FATF) yang terbesar di dunia. Sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka, NBD amat komited untuk mendukung piawaian antarabangsa dan kami percaya bahawa dengan memastikan sistem kewangan yang selamat, kukuh dan telus merupakan asas penting yang membolehkan aliran hasil perdagangan dan pelaburan bergerak dengan lancar merentasi sempadan.

Ditubuhkan 29 tahun yang lalu, APG telah menjadi tonggak penting bagi usaha serantau dalam aspek keselamatan kewangan. Dengan memperjuangkan Cadangan FATF 40, APG telah membantu ahli membina rangka kerja perundangan yang mantap untuk mengesan, mencegah dan bertindak balas terhadap jenayah kewangan sambil memastikan keutamaan serantau didengari di pentas global.

Namun, kita bertemu pada hari ini dalam suasana yang penuh dengan kerumitan yang mendalam. Pemecahan geopolitik sedang mengubah landskap kerjasama antarabangsa secara aktif, pada masa yang sama teknologi kewangan berkembang lebih pantas berbanding keupayaan rangka kerja kawal selia untuk mengimbanginya dengan berkesan.

Tipologi jenayah kewangan rentas sempadan juga berkembang dengan pantas. Bagi ekonomi transit seperti NBD, pengubahan wang haram berasaskan perdagangan dan penipuan yang berasaskan oleh teknologi siber merupakan ancaman ketara serta berterusan yang menuntut kewaspadaan yang tinggi serta perhatian serius daripada semua pihak.

Angka-angka yang direkodkan menunjukkan gambaran yang jelas: di seluruh rantau kita, rangkaian penipuan telah menyebabkan peningkatan sebanyak 47 peratus dalam notis dan penyebaran maklumat berkaitan penipuan yang dikeluarkan oleh INTERPOL antara tahun 2024 dan 2025. Penipuan pelaburan, skim penyamaran dan penipuan melalui pencerobohan e-mel perniagaan kini mengeksploitasi saluran digital serta jurang peraturan antara bidang kuasa kita.

Dalam persekitaran yang berpecah-belah ini, bagaimanakah APG harus bertindak secara kolektif? Kita perlu melihat melangkaui aspek pematuhan teknikal di atas kertas dan memberikan tumpuan kepada keberkesanan sebenar. Selaras dengan perkembangan dan perubahan yang lebih luas di peringkat global - termasuk tumpuan terbaharu FATF terhadap usaha membanteras rangkaian penipuan yang menggunakan medium siber serta mengurangkan risiko berkaitan aset maya tindak balas serantau kita juga mestilah bersifat dinamik.

APG mesti terus memainkan peranan strategiknya; serta mempertingkatkan pematuhan terhadap piawaian FATF melalui penilaian bersama, tipologi dan forum bantuan teknikal.

Dalam usaha kita menangani cabaran-cabaran ini, NBD terus memperkukuh rangka kerja domestiknya. Persediaan bagi pusingan Penilaian Bersama (Mutual Evaluation) kami yang seterusnya telah pun bermula secara rasmi. Dengan dipandu oleh Jawatankuasa Kebangsaan bagi Membanteras Pembersihan Wang Haram dan Pembiayaan Pengganasan, bidang-bidang keutamaan kami jelas dikenal pasti termasuk : Memperkukuh penyeliaan berkaitan pencegahan pembersihan wang haram dan pembanterasan pembiayaan keganasan merentas sektor kewangan serta sektor lain yang berkaitan; Menguatkuasakan keperluan pendedahan pemilikan benefisial secara lebih menyeluruh serta mempertingkatkan rangka kerja negara dalam membanteras pembiayaan percambahan senjata pemusnah secara besar-besaran.

Komitmen-komitmen ini dibina secara langsung di atas asas yang kukuh hasil daripada Penilaian Bersama tahun 2023 serta penemuan yang telah dikemas kini dalam Laporan Susulan tahun 2024. Tambahan pula, semasa Konsultasi Perkara IV IMF tahun 2026, kami menegaskan semula bahawa integriti kewangan dan pembangunan ekonomi bukanlah kuasa yang saling bertentangan; sebaliknya, kedua-duanya saling memperkukuh antara satu sama lain.

>> Muka 5

## WAKTU SEMBAHYANG

| SEPTEMBER MASIHI | HARI | RABIULAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 23 | RABU | 11 | 4.42 | 4.52 | 6.09 | 6.32 | 12.14 | 3.21 | 6.16 | 7.25 |
| 24 | KHAMIS | 12 | 4.42 | 4.52 | 6.09 | 6.31 | 12.14 | 3.22 | 6.16 | 7.25 |
| 25 | JUMAAT | 13 | 4.42 | 4.52 | 6.09 | 6.31 | 12.13 | 3.22 | 6.15 | 7.24 |
| 26 | SABTU | 14 | 4.42 | 4.52 | 6.09 | 6.31 | 12.13 | 3.22 | 6.15 | 7.24 |
| 27 | AHAD | 15 | 4.42 | 4.52 | 6.09 | 6.31 | 12.12 | 3.22 | 6.14 | 7.23 |
| 28 | ISNIN | 16 | 4.41 | 4.51 | 6.08 | 6.31 | 12.12 | 3.22 | 6.14 | 7.23 |
| 29 | SELASA | 17 | 4.41 | 4.51 | 6.08 | 6.30 | 12.12 | 3.22 | 6.13 | 7.22 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 33 24 °C | 32 24 °C |
| Pekan Bangar | 32 24 °C | 33 24 °C | 32 24 °C |
| Pekan Tutong | 32 24 °C | 33 24 °C | 32 24 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 32 24 °C | 31 23 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 23 SEPTEMBER 2026

# Mencari keberkatan dalam pelajaran

**ALHAMDULILLAH**, pada setiap 23 September, Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menyambut Hari Guru. Pada tahun ini, Sambutan Hari Guru Yang Ke-36 akan disambut bagi mengenang jasa setiap guru, pendidik. Pendidikan pertama bagi kanak-kanak adalah ibu bapa. Ibu bapa yang mengajar anak-anak sebelum mereka masuk ke alam persekolahan. Sambutan Hari Guru juga telah ditetapkan bagi mengenang jasa bakti dan pengorbanan Al-Marhum dalam memajukan landskap pendidikan formal dan agama di Brunei juga bertepatan dengan tarikh kelahiran Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam. Di bawah pemerintahan baginda, dasar pendidikan seimbang telah diperkenalkan, iaitu menyatukan pendidikan konvensional (biasa) dengan penekanan kuat pada pendidikan ugama Islam, yang berjaya meahirkan cerdik pandai tempatan.

Baru-baru ini, pada 16 September Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam telah meraikan Jubli Platinum Pendidikan Ugama Formal Yang Ke-70 Tahun. Ini bermakna, Pendidikan Ugama telah lama bertapak di NBD. Arus perubahan pendidikan pada zaman ini amat ketara dengan beberapa fasa penambahbaikan seperti dari mulanya tenaga pengajar menggunakan papan hitam hinggalah sekarang ini beberapa tenaga pengajar menggunakan teknologi terkini. Di sinilah penat lelah seorang tenaga pengajar yang tidak mampu dibayar oleh anak murid. Peranan seorang anak murid adalah untuk menghormati tenaga pengajar agar ilmu yang mendapat berkat dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Cabaran yang dihadapi seorang guru pada masa ini ialah, kemajuan teknologi yang tiada sempadan seperti kemunculan Kecerdasan Buatan (AI), Chatgpt, Gemini dan lain-lain lagi. Kemunculan aplikasi atau perisian di peranti mudah alih memudahkan dalam penyampaian. Manakala cabaran bagi anak murid perlu seiring dengan apa yang disampaikan.

Petikan Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mujadilah ayat 11 antara lain makna terjemahan, "*Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat.*" Juga hadis mengenai Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai pendidik, antara makna hadis, "*Sesungguhnya Allah tidak mengutusku sebagai seorang yang menyusahkan (atau memberatkannya) dan tidak pula mencari-cari kesukaran (kesalahan), tetapi Dia mengutusku sebagai guru yang memudahkan.*"

Tugas tenaga pengajar adalah menanai amanah dan tanggungjawab seorang guru, manakala anak murid berperanan untuk menghormati dan mentaati seorang guru.

Sekian sidang pengarang buat keluaran kali ini. – **Ketua Penyuntingan (Fa)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن فنرڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN SISTEM MAKMAL BERDAYA TAHAN

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

>> Muka 1

BDNLSP 2026 - 2030 merupakan dokumen utama yang menggariskan hala tuju selama lima tahun bagi menyelaraskan pembangunan makmal kebangsaan dengan Wawasan Brunei 2035, Peraturan Kesihatan Antarabangsa (2005), rangka kerja perundangan dan peraturan negara serta pelan-pelan strategik kementerian.

Pelan tersebut merangkumi makmal yang menyumbang kepada fungsi kesihatan awam dengan melibatkan pelbagai kementerian, institusi pengajian tinggi dan makmal swasta. Pelan berkenaan berpandukan visi untuk menyediakan perkhidmatan makmal yang berdaya tahan, mampan dan mudah diakses bagi melindungi kesihatan awam melalui pendekatan One Health.

BDNLSP 2026–2030 mempunyai empat strategi utama, iaitu memperkukuh tadbir urus dan kepimpinan negara, meningkatkan keupayaan serta kualiti ujian makmal, memperkukuh penyelarasan dan kesiapsiagaan menghadapi ancaman kesihatan awam, serta memperkukuh rangka kerja kawal selia makmal.





**YANG Berhormat Menteri Penyelaras Bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir pada majlis tersebut (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut yang diadakan di Rizqun International Hotel, Gadong.**

Strategi tersebut dilaksanakan melalui 10 bidang tematik, termasuk pembangunan tenaga kerja, pengurusan pembiayaan dan rantaian bekalan, rangkaian diagnostik kebangsaan, pengurusan kualiti dan keselamatan, pengawasan penyakit dan genomik, pengurusan kecemasan makmal serta penyelidikan dan pembangunan. Kesemuanya merangkumi 21 sub-strategi dan 49 pelan tindakan untuk dilaksanakan sepanjang tempoh lima tahun.

Sementara itu, Rangkaian RPHL yang ditubuhkan pada tahun 2019 di bawah Global Health Security Agenda kini terdiri daripada 14 negara anggota di rantau Asia dan Pasifik, termasuk 11 Negara Anggota ASEAN, Nepal, Papua New Guinea dan Pakistan. Rangkaian tersebut menggalakkan perkongsian maklumat, pengetahuan dan sumber serta menyokong pembangunan kapasiti bagi memperkukuh sistem makmal kesihatan awam.

Forum berkenaan turut membincangkan isu-isu semasa yang mempengaruhi sistem makmal, menilai kemajuan di bawah Pelan Kerja Strategik RPHL 2023–2027, mengenal pasti peluang pembangunan kapasiti dan inisiatif utama serta memperkukuh jaringan antara sistem makmal dan rakan kerjasama.

Forum dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Sains Perubatan, Thailand, Dr. Phichet Banyati selaku Pengerusi Bersama Rangkaian RPHL. Beliau turut menyampaikan ucapan pembukaan sebelum membuka forum secara rasmi.

Selain itu, Profesor Wang Linfa dari Duke-NUS Medical School turut menyampaikan ucaptama bertajuk 'Future-Ready Laboratory Systems : Transforming Challenges into Resilient and Rapid Action for Public Health Emergencies' yang antara lain menekankan kepentingan sistem makmal yang bersedia, kukuh dan pantas dalam menangani kecemasan kesihatan awam.

# Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Guru Ke-36

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**





**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa hadir pada Majlis Doa Kesyukuran (atas dan kanan). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.**

>> Muka 1

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi memohon agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berada dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan dianugerahkan kesihatan, kekuatan serta perlindungan yang berterusan dalam memimpin negara ke arah kesejahteraan dan keberkatan yang berpanjangan, yang diimamkan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang, yang turut mengimamkan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.



Acara seterusnya diikuti dengan bacaan Ratib Al-Attas oleh Imam Tingkat III, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Haji Hamdini bin Haji Garif.

Manakala, Doa Kesyukuran dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran.

Majlis juga dihadiri oleh pegawai-pegawai, guru-guru serta pelajar-pelajar daripada sekolah-sekolah, maktab-maktab, institusi-institusi pengajian tinggi dan teknikal di bawah KHEU dan Kementerian Pendidikan.

Majlis Doa Kesyukuran merupakan sebahagian daripada acara keagamaan bersempena dengan Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam yang dikendalikan oleh KHEU dan Kementerian Pendidikan.

Tema bagi Sambutan Hari Guru Ke-36, Tahun 2026 pada tahun ini ialah 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi'.



# RAPTAI PENUH PASTIKAN KELANCARAN SAMBUTAN HARI GURU KE-36

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin



**YANG Berhormat Menteri Pendidikan ketika menghadiri raptai penuh Majlis Sambutan Hari Guru Ke-36.**

**BERAKAS**, Selasa, 22 September. - Ke arah memastikan kelancaran Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-36, Tahun 2026, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Raptai Penuh di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), hari ini.

Hadir bagi menyaksikan raptai penuh berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir semasa raptai tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis Sambutan Hari Guru NBD Ke-36 akan diadakan pada Rabu, 23 September 2026 bertempat di Dewan Plenary, ICC, Berakas.

Sambutan tahun ini membawa tema 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi' dengan subtema 'Mendidik dengan Hikmah, Membimbing Generasi Harmoni dan Berinovatif'.

Seperti lazimnya, acara kemuncak Sambutan Hari Guru ialah pengurniaan Anugerah-Anugerah Hari Guru sebagai penghargaan atas sumbangan dan jasa para pendidik di negara ini.

Sambutan tersebut turut diselajurkan dengan Pameran Hari Guru yang bertemakan 'Mendidik dengan Hikmah, Membimbing Generasi Harmoni dan Berinovatif'.

Raptai juga turut dihadiri oleh Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap di KHEU dan Kementerian Pendidikan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari Guru NBD Ke-36, Tahun 2026.

Sehubungan itu, Cuti Khas sempena Sambutan Hari Guru NBD Ke-36, Tahun 2026 akan diberikan kepada semua sekolah di NBD, termasuk institusi-institusi pengajian tinggi di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan KHEU iaitu pada Rabu, 23 September 2026.



**SEBAHAGIAN yang membuat persembahan semasa Raptai Penuh tersebut.**

# Kunjungan hormat kukuhkan hubungan, kerjasama NBD-Republik Rakyat China

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid





**YANG Berhormat Majlis Mesyuarat Negara (MMN) mewakili MMN sebagai ketua delegasi MMN semasa menerima kunjungan hormat daripada Member of the Standing Committee of the National People's Congress (NPC) of the People's Republic of China and Chairman of the Ethnic Affairs Committee of NPC, Tuan Yang Terutama Bayin Chaolu (atas dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 September. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pagi tadi menerima kunjungan hormat daripada Member of the Standing Committee of the National People's Congress (NPC) of the People's Republic of China and Chairman of the Ethnic Affairs Committee of NPC, Tuan Yang Terutama Bayin Chaolu, di Bangunan Dewan Majlis.

Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, mewakili MMN sebagai ketua delegasi MMN sewaktu kunjungan hormat berkenaan.

Rombongan Tuan Yang Terutama Bayin Chaolu turut disertai oleh Members of the Standing Committee of the National People's Congress (NPC) of China & Vice Chairmen of the Ethnic Affairs Committee of NPC, Tuan Yang Terutama Bai Shangcheng dan Puan Yang Terutama Zhou Min berserta pegawai-pegawai kanan dari NPC.

Hadir bersama rombongan, Bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Chen Shaochun.

Turut hadir dari MMN ialah Yang Berhormat Ahli-ahli MMN, serta Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

Semasa kunjungan hormat berkenaan, kedua-dua pihak menyentuh mengenai hubungan persahabatan yang erat antara NBD dan Republik Rakyat China bersempena Ulang Tahun Ke-35 hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara pada tahun ini, serta usaha memperkukuh kerjasama strategik dalam bidang ekonomi, tenaga, pendidikan, pelancongan dan bidang-bidang berkepentingan bersama.

Perbincangan turut menyentuh hubungan baik antara MMN dan Kongres Rakyat Kebangsaan (NPC) Republik Rakyat China, termasuk kesinambungan pertukaran lawatan dan kerjasama antara kedua-dua institusi perundangan.

Tuan Yang Terutama Bayin Chaolu turut berkongsi mengenai peranan Jawatankuasa Hal Ehwal Etnik NPC (Ethnic Affairs Committee of NPC) dalam usaha memajukan pembangunan masyarakat pelbagai etnik di Republik Rakyat China.

Kunjungan hormat berkenaan merupakan sebahagian daripada lawatan kerja Tuan Yang Terutama dan rombongan ke NBD selama tiga hari bermula 22 hingga 24 September 2026 dalam usaha memperkukuh hubungan dan kerjasama antara NBD dan Republik Rakyat China, termasuk melalui pertukaran dan interaksi dalam bidang-bidang berkepentingan bersama.



# PERSIDANGAN KEHAKIMAN SEDIAKAN PLATFORM PERBINCANGAN KETUA HAKIM ASIA, PASIFIK

**Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam**






**YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar semasa menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Hakim Asia dan Pasifik (Chief Justices of Asia and the Pacific - CJAP) Ke-20 (atas). Manakala gambar kiri, Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar ketika mengadakan pertemuan dua hala bersama The Honourable Chief Justice Jo Hee-de of the Republic of Korea.**

**REPUBLIK KOREA**, Isnin, 21 September. - Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon, telah menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Hakim Asia dan Pasifik (Chief Justices of Asia and the Pacific - CJAP) Ke-20 yang berlangsung dari 16 hingga 19 September 2026 di Seoul, Republik Korea.

Persidangan CJAP merupakan forum antarabangsa utama di rantau berkenaan yang menghimpunkan para ketua hakim bagi berkongsi pandangan dan pengalaman mengenai sistem kehakiman serta perkembangan dalam badan kehakiman masing-masing.

Persidangan yang diadakan secara dwitahunan berkenaan menyediakan platform kepada para ketua hakim dari rantau Asia dan Pasifik untuk membincangkan pelbagai isu berkepentingan bersama dalam bidang kehakiman.

Sejak pertemuan sulungnya di Pulau Pinang, Malaysia pada Ogos 1985, persidangan berkenaan terus menjadi salah satu asas penting dalam kerjasama kehakiman. Persidangan berkenaan juga telah berkembang sebagai platform yang bernilai dalam memudah cara pertukaran pandangan dan idea secara profesional dalam kalangan hakim kanan di rantau Asia dan Pasifik.

Dianjurkan oleh Bahagian Kehakiman Persatuan Undang-Undang Asia dan Pasifik (Law Association for Asia and the Pacific-LAWASIA), persidangan ke-20 berkenaan telah dianjurkan oleh Mahkamah Agung Republik Korea.

Ketua-ketua hakim dan hakim-hakim yang mewakili pelbagai bidang kuasa telah meneliti serta membincangkan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh badan kehakiman masing-masing menerusi beberapa sesi perbincangan.

Antara topik yang dibincangkan termasuk peranan badan kehakiman, penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam bidang perundangan, kepentingan pendidikan kehakiman, undang-undang dan keganasan berasaskan jantina, integriti kehakiman dan keyakinan orang ramai, serta penswastaan keadilan.

Persidangan CJAP Ke-20 berkenaan dihadiri oleh para ketua hakim dan hakim yang mewakili kira-kira 40 bidang kuasa, termasuk Australia, Azerbaijan, Negara Brunei Darussalam (NBD), Kanada, Republik Rakyat China, Czechia, Ecuador, Mesir, Fiji, Polinesia Perancis, Guam, Hong Kong SAR, Republik India, Republik Indonesia, Jepun, Kenya, Kazakhstan, Republik Korea, Kuwait, Latvia, Macao SAR, Malaysia, Maldives, Kepulauan Marshall, Mongolia, Montenegro, Republik Kesatuan Myanmar, New Caledonia, New Zealand, Niue, Republik Islam Pakistan, Papua New Guinea, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, Republik Türkiye, Amerika Syarikat, Uzbekistan dan Republik Sosialis Viet Nam.

Turut hadir ialah wakil daripada pelbagai pertubuhan antarabangsa, antaranya Asian Development Bank (ADB), European Court of Human Rights, European Law Institute, The Hague Institute for Innovation of Law, Standing International Forum of Commercial Courts, OECD, UNCITRAL, UNDP, UNIDROIT, Bank Dunia, UNODC, WIPO dan World Justice Project.

Pada persidangan berkenaan, Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar telah membentangkan kertas kerja bertajuk 'Adil Laila Bahagia : A Bruneian Perspective on Judicial Independence, Integrity, Public Trust and Confidence' dalam sesi bertemakan Integriti Kehakiman dan Kepercayaan Awam.

Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar turut mengadakan pertemuan dua hala bersama The Honourable Chief Justice Jo Hee-de of the Republic of Korea; dan The Honourable Chief Justice Andrew Bell of the Supreme Court of New South Wales, Australia and Chair of the Judicial Division of LAWASIA.

Selain itu, Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar juga mengadakan lawatan ke Mahkamah Agung Republik Korea serta Judicial Research and Training Institute (JRTI).

Turut hadir pada persidangan berkenaan, Pemangku Ketua Pendaftar, Dayang Hajah Hazarena binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah; dan Pendaftar Kanan, Dayang Hajah Noor Amalina binti Dato Paduka Haji Alaihuddin, dari Mahkamah Besar NBD.




## HALUAN

>> Muka 2

Bagi menterjemahkan visi ini kepada tindakan, NBD telah melancarkan rangka kerja ID digital kebangsaan yang dikenali sebagai Brunei-ID pada awal tahun ini. Ini menyediakan seni bina usaha yang selamat dan wajar pelanggan di seluruh negara, yang berupaya melaksanakan pengesahan identiti secara masa nyata di titik akses.

Memandangkan ramai jiran dan rakan kongsi kami telah merintis sistem yang serupa, langkah seterusnya yang wajar diambil ialah memastikan kesalingoperasian iaitu memastikan alat digital kami menggunakan bahasa yang sama bagi menyekat rangkaian haram sebelum ia dapat merentasi sempadan.

Perjalanan NBD sendiri dalam bidang AML / CFT telah dibentuk secara signifikan oleh bantuan teknikal. Sesebuah bidang kuasa dengan saiz seperti kami mempunyai banyak perkara untuk dikongsikan dengan ekonomi anggota yang sedang membangun, sama seperti kami perlu belajar daripada ekonomi yang lebih besar.

Memandangkan kami bakal memulakan tempoh perkhidmatan sebagai Pengerusi Bersama, kami komited untuk memastikan usaha pembinaan kapasiti mengalir daripada pelbagai arah daripada pihak yang telah lebih maju dalam rangka kerja mereka kepada pihak yang masih dalam proses membangunkan rangka kerja tersebut di samping kerjasama aktif antara rakan sejawat.

Kepelbagaian bidang kuasa dalam APG merupakan ciri unik keahliannya dan menyediakan platform bagi peranan kepimpinan dalam organisasi tersebut. NBD bertuah dan dikurniakan sumber yang membolehkannya menyediakan peluang untuk rakyatnya.

Asas dan pelaburan ini telah melahirkan pemimpin yang berbakat dan berkebolehan, yang mampu menyumbang di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Menjelang akhir mesyuarat ini, APG akan dipimpin oleh dua orang pengerusi bersama wanita. Pencapaian penting ini mencerminkan komitmen kolektif kita terhadap kepimpinan inklusif, yang akan memberi inspirasi kepada generasi pemimpin serantau yang seterusnya.

Semangat keterbukaan dan perkongsian yang sentiasa didukung oleh APG inilah yang berhasrat diteruskan oleh NBD dan Australia mulai tahun ini, selaku Pengerusi Bersama yang baharu. Kami juga akan berkongsi pengalaman NBD dalam usaha pemulihan aset serta mengetengahkan bagaimana agensi penguatkuasaan undang-undang dan Pejabat Peguam Negara memanfaatkan mekanisme rampasan tanpa sabitan satu kejayaan yang terhasil sepenuhnya hasil daripada perkongsian yang kukuh.

Sambil awda merasai kemesraan layanan masyarakat Brunei, saya menjemput awda untuk melihat pertemuan kita ini bukan sekadar sebagai satu kewajipan diplomatik, malah sebagai satu perkongsian yang bermatlamat. Tugas APG ini amat teliti serta menuntut ketepatan dan daya ketahanan yang tinggi di sebalik tabir.

Namun, ia merupakan perisai yang tidak kelihatan yang melindungi rakyat kita, mengekalkan kepercayaan orang ramai terhadap institusi kita, serta menjamin masa depan ekonomi kita. Ini merupakan usaha asas yang amat penting. Dan apabila kita melaksanakannya bersama-sama sebagai satu komuniti yang bersatu padu, kita sememangnya mampu mencapai hasil yang luar biasa.

Saya berharap kunjungan awda ke NBD bukan sahaja memberikan hasil yang memberi inspirasi daripada pertemuan ini, malah meninggalkan kenangan manis tentang layanan mesra kami, serta mendorong awda untuk kembali berkunjung bersama keluarga dan rakan-rakan bagi menikmati lebih banyak lagi keistimewaan NBD.

Dengan itu, saya mengucapkan selamat menjalani perbincangan yang bermanfaat dan produktif.

# Festival Makanan Brunei-China 2026 perkukuhkan hubungan dua hala



**FESTIVAL Makanan Brunei-China 2026 berperanan sebagai jambatan budaya yang menghubungkan masyarakat kedua-dua negara menerusi makanan, pertukaran budaya dan interaksi antara rakyat.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Ihsan Sin Chew Daily Brunei**

**MANGGIS**, Isnin, 21 September. - Festival Makanan Brunei-China 2026 yang dianjurkan oleh Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam, Persatuan Persahabatan Brunei - China (BCFA) dan China Intercontinental Communication Center, menjadi wadah untuk memperkukuh hubungan persahabatan dan pertukaran budaya antara rakyat kedua-dua negara.

Majlis pelancaran festival tersebut berlangsung di Hua Ho Manggis Mall Ballroom dan turut mendapat sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

Hadir pada majlis berkenaan ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun, dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Semasa berucap pada majlis tersebut, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun berkata, Republik Rakyat China dan Negara Brunei Darussalam (NBD) merupakan negara jiran yang bersahabat merentasi lautan, dengan hubungan persahabatan kedua-dua negara yang terus kukuh.

Tuan Yang Terutama berkata, tahun ini menandakan ulang tahun ke-35 penubuhan hubungan diplomatik antara Republik Rakyat China dan NBD, sekali gus membawa hubungan kedua-dua negara ke satu tahap sejarah baharu dalam usaha membina komuniti China-Brunei yang berkongsi masa depan bersama.

Menurut TYT, dalam pertemuan semasa Keberangkatan Rasmi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ke Republik Rakyat China pada Mei tahun ini, Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping, menggariskan bahawa Republik Rakyat China dan NBD perlu menjadi rakan strategik yang mempunyai tahap kepercayaan bersama yang tinggi, rakan pembangunan berasaskan kerjasama menang-menang, rakan tamadun yang saling memahami dan bersahabat serta rakan dalam tadbir urus global.

Katanya, perkara tersebut telah menggariskan hala tuju hubungan China-Brunei pada peringkat seterusnya.

"Melangkah ke hadapan, kami bersedia untuk bekerjasama dengan rakan-rakan di Brunei bagi melaksanakan sepenuhnya persefahaman penting yang dicapai oleh kedua-dua ketua negara, terus memperluas kerjasama persahabatan dalam pelbagai bidang, memperdalam pertukaran antara rakyat dan pembelajaran bersama serta menggalakkan rakyat kedua-dua negara untuk lebih kerap berkunjung antara satu sama lain," jelas TYT.

Beliau berharap usaha tersebut akan terus mengukuhkan hubungan saling memahami antara rakyat kedua-dua negara dan bersama-sama memberikan sumbangan baharu dalam memajukan pembinaan komuniti China-Brunei yang berkongsi masa depan bersama.

Sementara itu, Presiden BCFA, Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Rahman berkata, makanan bukan sahaja memenuhi selera, malah mampu mendekatkan hati dan mengeratkan hubungan sesama manusia.

"Melalui Festival Makanan ini, kita berharap dapat terus memperkukuhkan hubungan rakyat dengan rakyat, pertukaran budaya dan persahabatan antara kedua-dua negara," ujarnya.

Antara acara kemuncak festival ialah sesi demonstrasi masakan yang menampilkan lima cef terkemuka dari Beijing.

Pasukan cef berkenaan membawa pengalaman selama puluhan tahun dalam bidang kulinari, selain mengetengahkan teknik masakan tradisional dan kepakaran dalam memperkenalkan keistimewaan masakan Republik Rakyat China kepada para tetamu.

Festival Makanan Brunei-China 2026 bukan sahaja menjadi platform untuk menikmati kepelbagaian hidangan masakan Republik Rakyat China, malah berperanan sebagai jambatan budaya yang menghubungkan masyarakat kedua-dua negara menerusi makanan, pertukaran budaya dan interaksi antara rakyat.

# PROGRAM SIVIK PUPUK JATI DIRI, SEMANGAT KENEGARAAN GENERASI MUDA



**SESI bergambar ramai pada Program Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Kedua bagi Tahun 2025/2026 bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, Berakas.**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BERAKAS**, Isnin, 21 September. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik mengadakan Program Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Kedua bagi Tahun 2025/2026 selama lima hari bermula hari ini.

Majlis pembukaan program berkenaan berlangsung pada pagi tadi, bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Sastra Sarini binti Haji Julaini.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat turut menyampaikan ucapan alu-aluan yang antara lain menyentuh mengenai kepentingan Program Sivik yang kini genap 50 tahun pelaksanaannya.

Beliau menjelaskan bahawa pencapaian tersebut merupakan satu detik yang bermakna bagi Jabatan Penerangan.

Sejak diperkenalkan pada tahun 1976, tambahnya, Program Sivik terus dilaksanakan dengan pengisian yang sentiasa disesuaikan mengikut keperluan dan perkembangan semasa.

Walaupun pendekatan serta pengisiannya berubah dari semasa ke semasa, matlamat utama program kekal, iaitu untuk memupuk semangat kenegaraan, jati diri serta rasa tanggungjawab terhadap negara dalam kalangan generasi muda, terangnya lagi.

Beliau turut menjelaskan bahawa sepanjang lima hari program berlangsung, para peserta akan mengikuti pelbagai pengisian yang merangkumi tema 'Pembanguan Jati Diri', 'Akhlak & Usahawan', 'Kerjaya & Ekonomi', serta 'Awareness, Sesi Perkongsian & Hubungan Masyarakat'.

Pengisian yang disusun diharap dapat memberikan pendedahan yang lebih menyeluruh kepada para peserta, bukan sahaja mengenai peranan dan tanggungjawab mereka sebagai rakyat, malah turut membantu mempersiapkan diri dalam menghadapi cabaran serta memanfaatkan peluang pada masa hadapan, ujarnya.

Program berkenaan disertai oleh seramai 20 orang peserta, yang terdiri daripada lepasan ijazah dan mahasiswa/mahasiswi dari Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah serta mahasiswa-mahasiswi dari institut pengajian tempatan dan yang menjalani penempatan kerja di jabatan ini.

Sepanjang program ini diadakan, para peserta akan didedahkan kepada beberapa siri taklimat dan lawatan sambil belajar ke beberapa agensi kerajaan dan swasta.

Selain itu, peserta juga akan terlibat dalam aktiviti bersama masyarakat kampung.

Antara objektif program ini diadakan ialah untuk memberi kefahaman dan maklumat terkini kepada masyarakat mengenai hal ehwal negara dan kerajaan, memastikan rakyat sentiasa peka terhadap perkembangan semasa; memupuk dan menanam semangat kenegaraan yang berasaskan falsafah konsep MIB, dengan menekankan nilai-nilai budaya, agama, dan kedaulatan yang menjadi asas identiti negara.

# MEMPERKUKUH PENGLIBATAN PELANCONGAN TIMUR TENGAH

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan**

**DUBAI**, Selasa, 22 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) sekali lagi mengambil bahagian dalam Arabian Travel Market (ATM) 2026 buat kali kedua, yang diadakan bermula 14 hingga 17 September 2026 di Dubai World Trade Centre.

Delegasi NBD diketuai oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan di bawah Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), bersama syarikat penerbangan kebangsaan, Royal Brunei Airlines serta agensi pelancongan tempatan, AZ Back to Nature.

Penyertaan semula NBD dalam ATM mencerminkan komitmen negara dalam memperluaskan akses pasaran dan memperkukuh hubungan industri di rantau Timur Tengah. Pada tahun 2025, NBD merekodkan kira-kira 1,532 ketibaan pelancong melalui udara dari Timur Tengah, yang menunjukkan potensi rantau tersebut sebagai pasaran sumber bagi pertumbuhan selanjutnya.




Penyertaan di ATM menyediakan platform bagi delegasi untuk berinteraksi dengan ejen pelancongan, pengendali pelancongan, syarikat penerbangan serta pihak berkepentingan dalam sektor pelancongan dari seluruh rantau tersebut dan pasaran antarabangsa lain.

Ia juga membuka peluang untuk meningkatkan kesedaran mengenai NBD serta menarik lebih ramai pelawat dari Timur Tengah. Ekspo berkenaan turut menyokong usaha untuk menampilkan NBD sebagai destinasi tunggal serta sebahagian daripada perjalanan pelancongan pelbagai destinasi.

Sepanjang ATM 2026, NBD mengetengahkan tawaran pelancongan yang merangkumi aspek alam semula jadi, pengembaraan, kebudayaan dan pelancongan Islam, termasuk pengalaman seperti menyelam, pemerhatian burung, aktiviti pengembaraan serta tarikan kebudayaan.

Promosi tersebut menyasarkan pelancong yang ingin menjadikan NBD sebagai destinasi utama, di samping mereka yang berminat untuk menggabungkan NBD dalam perjalanan pelbagai destinasi, termasuk gabungan dengan destinasi-destinasi berdekatan di Borneo dan pasaran serantau yang lain.




**PENYERTAAN semula NBD dalam Arabian Travel Market (ATM) 2026 mencerminkan komitmen negara dalam memperluaskan akses pasaran dan memperkukuh hubungan industri di rantau Timur Tengah (atas dan bawah kiri).**

Delegasi turut mengadakan beberapa siri pertemuan Business-to-Business (B2B) bersama wakil-wakil industri pelancongan dari Timur Tengah dan pasaran antarabangsa yang lain.

Sesi-sesi tersebut memberi tumpuan kepada pembangunan hubungan pasaran, mengenal pasti peluang bagi pembangunan pakej pelancongan baharu, memperkukuh saluran pengedaran serta menggalakkan rakan niaga pelancongan untuk memasukkan NBD dalam jadual perjalanan mereka.

Penyertaan tersebut turut menjadi platform penting bagi mempromosikan Tahun Melawat Brunei 2027 (VBY 2027), dengan memberikan pengenalan awal kepada rakan-rakan industri dan perdagangan pelancongan antarabangsa mengenai kempen tersebut serta tawaran pelancongannya.

Menjelang VBY 2027, Jabatan Kemajuan Pelancongan meneruskan usaha pemasaran antarabangsa yang disasarkan serta penglibatan industri bagi meningkatkan kesedaran, memperkukuh rangkaian pengedaran dan menggalakkan rakan niaga pelancongan untuk membangunkan serta mempromosikan pakej-pakej pelancongan NBD.

Usaha tersebut turut merangkumi kerjasama berterusan dengan CNN dan platform media antarabangsa serta digital lain yang berkaitan bagi meningkatkan kesedaran mengenai tawaran pelancongan NBD dan menyokong promosi VBY 2027.

Usaha-usaha ini, beserta penglibatan B2B dan aktiviti pembangunan pasaran, menyokong matlamat lebih luas NBD untuk memperkukuh kedudukannya dalam jadual perjalanan pelancongan serantau dan antarabangsa. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai tawaran pelancongan NBD, sila layari *www.bruneitourism.com* atau ikuti *@brunei.tourism* di media sosial.

# Makanan Tradisi : Warisan generasi akan datang




**ANTARA makanan tradisi merupakan sebahagian daripada warisan budaya yang mencerminkan identiti dan sejarah sesebuah masyarakat.**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 September. - Makanan tradisi merupakan sebahagian daripada warisan budaya yang mencerminkan identiti dan sejarah sesebuah masyarakat.

Ia bukan sahaja menyajikan hidangan yang lazat, tetapi juga membawa makna budaya, adat resam, dan kisah-kisah yang diwariskan dari satu generasi ke generasi.

Akan tetapi, disebabkan pengaruh makanan moden, makanan tradisi semakin dilupakan dan hampir pupus.

Oleh sebab itu, adalah penting untuk kita memperkenalkan dan memupuk minat anak-anak muda terhadap makanan tradisional supaya ia tidak hilang ditelan zaman.

Cara - cara memperkenalkan makanan tradisi kepada anak-anak muda ialah dengan memupuk kesedaran mereka antaranya, memuatkan pelajaran mengenai makanan tradisi dalam kurikulum sekolah ataupun mengadakan aktiviti ceramah, bengkel memasak dan pameran berkaitan makanan tradisional.

Selain itu, menggalakkan keluarga memasak makanan tradisional bersama anak-anak di rumahatau mengadakan acara keraian budaya yang menampilkan makanan tradisi tempatan.

Bukan itu sahaja, cara lain adalah dengan penggunaan media sosial dan teknologi seperti berkongsi video, resipi, dan kisah tentang makanan tradisional melalui media sosial.

Seterusnya, mewujudkan festival makanan tradisional yang melibatkan pameran dan pertandingan memasak di samping mengalakkan pengusaha muda menghasilkan makanan tradisional sebagai produk tempatan.

Kemudian, dengan penerapan dalam aktiviti sekolah dan komuniti, misalnya, menganjurkan hari makanan tradisional di sekolah-sekolah atau melibatkan generasi muda untuk menyertai lawatan ke tempat pembuatan makanan tradisi tempatan.

Dengan usaha berterusan ini, generasi muda akan lebih menghargai dan berasa bangga terhadap warisan makanan tradisi mereka, sekali gus memastikan ia tidak pupus dan terus berkembang sebagai sebahagian daripada identiti bangsa.

# ABDB akan laksanakan Eksesais HIKMAT BERSATU VII/2026

**Siaran Akhbar : Kementerian Pertahanan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 September. - Kementerian Pertahanan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) akan mengadakan eksesais tentera yang dinamakan 'Eksesais HIKMAT BERSATU VII/2026' (Eks HB VII/2026) bermula daripada 28 September hingga 7 Oktober 2026.

Eksesais ini akan melibatkan kawasan-kawasan perairan, pendalaman, perumahan dan komersial serta jalan-jalan raya utama di beberapa buah tempat di Daerah Brunei Muara, Belait, Tutong dan Temburong.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan agar tidak berasa cemas dengan peningkatan pergerakan anggota-anggota keselamatan atau pasukan beruniform, termasuk konvoi kenderaan darat, pesawat udara dan pengangkutan laut serta pengunaan bahan-bahan letupan dan piroteknik sepanjang tempoh eksesais tersebut.

Orang ramai juga dilarang keras untuk menghampiri, memasuki atau berada di kawasan eksesais bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini serta bagi memastikan keselamatan awam sentiasa terpelihara.

Kementerian Pertahanan turut menegaskan agar tiada sebarang gambar ataupun rakaman video berkaitan eksesais ini diambil atau disebarkan di mana-mana platform media sosial bagi memelihara kerahsiaan serta integriti perlaksanaan eksesais berkenaan.

Sebarang penyebaran maklumat yang tidak sahih adalah merupakan satu kesalahan di bawah Bab 34, Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148 - Penyebaran Maklumat Palsu.

Kementerian Pertahanan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas kerjasama orang ramai dalam menjayakan perlaksanaan eksesais ini.

# SUNTIK SEMANGAT PENUNTUT AGAR BERUSAHA LEBIH GIGIH

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Ihsan Sekolah Menengah Sayyidina Umar**




**SESI bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Hadiah Insentif dan Keputusan Qualifying Exam Penuntut Tahun 11 SMSUA.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 September. – Pencapaian akademik terutama sekali penuntut Tahun 11 Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab (SMSUA) terus diberi perhatian sebagai pemangkin untuk meningkatkan motivasi dan menyemarakkan semangat mereka dalam menghadapi cabaran pendidikan, khususnya menjelang peperiksaan awam nanti.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Hadiah Insentif dan Keputusan Qualifying Exam Penuntut Tahun 11 SMSUA telah diadakan di dewan sekolah berkenaan, di sini.

Majlis berkenaan disertai oleh guru-guru Tahun 11, para penuntut Tahun 11 serta ibu bapa dan penjaga penuntut, sekali gus mencerminkan kerjasama erat antara pihak sekolah dan keluarga dalam menyokong perkembangan serta kecemerlangan akademik para penuntut.

Hadir menyampaikan hadiah insentif kepada para penuntut berkenaan, Pengetua SMSUA, Dayang Hajah Rosiah binti Haji Gharif.

Penyampaian hadiah berkenaan bukan sahaja sebagai penghargaan terhadap usaha dan pencapaian para penuntut, malah menjadi suntikan semangat agar mereka terus berusaha dengan lebih gigih, meningkatkan disiplin pembelajaran serta menetapkan sasaran yang lebih tinggi dalam perjalanan akademik masing-masing.

Keputusan peperiksaan penilaian (Qualifying Exam) turut menjadi salah satu kayu pengukur yang sememangnya penting bagi menilai tahap persediaan penuntut sebelum melangkah ke peringkat peperiksaan seterusnya.

Dalam pada itu, penglibatan ibu bapa dan penjaga pada majlis berkenaan turut memperlihatkan kepentingan sokongan keluarga sebagai antara faktor yang membantu membentuk keyakinan, motivasi dan kesungguhan penuntut dalam mencapai kecemerlangan.

Majlis berkenaan diharap dapat menyemarakkan budaya menghargai pencapaian serta mendorong para penuntut Tahun 11 SMSUA untuk terus berusaha, memperkukuh penguasaan ilmu dan memberikan prestasi terbaik demi mencapai aspirasi pendidikan mereka.

# Persidangan serantau teliti trend semasa industri insurans

**TOKYO, JEPUN,** Isnin, 21 September. - Brunei Insurance and Takaful Association (BITA) telah menyertai East Asian Insurance Congress (EAIC) Ke-31 Tokyo 2026 yang berlangsung selama tiga hari, dari 14 hingga 16 September 2026 di Tokyo, Jepun.

Persidangan berkenaan menghimpunkan para pemimpin industri dan wakil ahli dari rantau berkenaan bagi membincangkan trend-trend utama yang sedang membentuk sektor insurans.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Pengerusi BITA, Awang Haji Shahrildin bin Pehin Orang Kaya Lela Utama Dato Paduka Haji Jaya; Pemangku Ketua Tokio Marine Insurance Singapore Ltd. (Cawangan NBD), Amelia Lim Wen Sien; dan Pengurus BITA, Jack Gan.

Antara acara yang menjadi tumpuan pada persidangan berkenaan ialah penyertaan Amelia Lim Wen Sien dalam sesi perbincangan panel bertajuk 'Talent, Trust and Transformation'.

Perbincangan panel berkenaan menyentuh mengenai bagaimana Kecerdasan Buatan (AI) kini mengubah peranan dalam peringkat awal kerjaya, di samping menekankan bahawa pertimbangan profesional dan empati kekal penting dalam sektor perniagaan.

Panel berkenaan turut menekankan kepentingan bagi syarikat-syarikat insurans dan pengendali takaful untuk menilai semula pendekatan pembangunan bakat dalam menghadapi landskap industri yang berkembang dengan pesat.

Persidangan berkenaan turut membincangkan isu jurang perlindungan, kerjasama serantau, peluang pasaran serta daya tahan industri, yang mencerminkan pelbagai cabaran dan peluang yang dihadapi oleh sektor insurans di seluruh Asia.

Persidangan selama tiga hari berkenaan diakhiri dengan Majlis Penutupan dan Jamuan, yang turut menyaksikan pengumuman Ahli Lembaga Eksekutif baharu bagi EAIC Ke-32.

Persidangan EAIC seterusnya akan diadakan di Bangkok, Thailand pada 2028.




**DELEGASI Negara Brunei Darussalam ketika menghadiri East Asian Insurance Congress (EAIC) Ke-31 Tokyo 2026 yang berlangsung selama tiga hari, dari 14 hingga 16 September 2026 di Tokyo, Jepun.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Insurance and Takaful Association**




# Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan bermula 22 September

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 September. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS sukacita memaklumkan bahawa Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1448 Hijrah akan diadakan selama lima hari, iaitu pada 10, 12, 14, 16, dan 17 Rabiulakhir 1448 bersamaan 22, 24, 26, 28, dan 29 September 2026 bertempat di Tingkat 7 dan Tingkat 8, Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Blok 2H, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping.

Sehubungan itu, para peserta yang terlibat hendaklah hadir lebih awal pada tarikh dan masa yang ditetapkan mengikut kategori masing-masing seperti berikut, iaitu hari pertama, Selasa, 10 Rabiulakhir 1448 bersamaan 22 September 2026, pukul 8.00 pagi dan 1.45 petang bagi Kategori 'D'.

Manakala pada hari kedua, Khamis, 12 Rabiulakhir 1448 bersamaan 24 September 2026, pukul 8.00 pagi dan 1.45 petang bagi Kategori 'E' dan Kategori 'C'; serta hari ketiga, Sabtu, 14 Rabiulakhir 1448 bersamaan 26 September 2026, pukul 8.00 pagi dan 1.45 petang bagi Kategori 'C'.

Sementara pada hari keempat, Isnin, 16 Rabiulakhir 1448 bersamaan 28 September 2026, pukul 8.00 pagi dan 1.45 petang bagi Kategori 'B' dan pada hari kelima, Selasa, 17 Rabiulakhir 1448 bersamaan 29 September 2026, pukul 8.00 dan 1.45 petang bagi Kategori 'A'.

Bagi sebarang maklumat lanjut, bolehlah menghubungi Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa waktu bekerja di talian +673 2237512.

# MEWUJUDKAN PERSEKITARAN MUKIM YANG BERSIH, SELAMAT, HARMONI





Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B'

**PROGRAM Kempen Gotong-Royong Bulanan Mukim Berakas 'B' mencerminkan pendekatan kepimpinan melalui teladan (leadership by example), khususnya dalam menggalakkan penglibatan masyarakat terhadap penjagaan kawasan masing-masing (atas dan kanan).**

**BERAKAS**, Isnin, 21 September. - Usaha menjaga kebersihan dan keselamatan persekitaran terus diperkasa melalui Program Kempen Gotong-Royong Bulanan Mukim Berakas 'B' yang kali ini diadakan di RPN Lambak Kanan Kawasan 4, baru-baru ini.

Kempen berkenaan memberi tumpuan kepada kerja-kerja mencantas dahan-dahan dan pokok yang tumbuh sehingga ke bahu jalan utama kawasan berkenaan, yang sedikit sebanyak boleh menjejaskan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.

Menyertai kempen tersebut ialah Penasihat Majlis Perundingan Kampung (MPK) RPN Lambak Kanan Kawasan 4, Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Awang Haji Abu Bakar bin Pehin Orang Kaya Udana Lela Dato Paduka Awang Haji Umar, serta pegawai-pegawai dari Jabatan Kemajuan Perumahan.

Hadir mengepalai kempen tersebut ialah Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah.

Program seumpama ini merupakan antara usaha berterusan Mukim Berakas 'B' dalam memupuk budaya bergotong - royong, memperkukuhkan semangat hidup bermasyarakat serta meningkatkan keprihatinan terhadap kebersihan, keselamatan dan kesejahteraan persekitaran kampung.

Di samping itu, usaha kecil yang dilaksanakan secara bersama ini turut mencerminkan pendekatan kepimpinan melalui teladan (*leadership by example*), khususnya dalam menggalakkan penglibatan masyarakat terhadap penjagaan kawasan masing-masing.

Penghargaan dan ucapan terima kasih turut disampaikan kepada Jabatan Kemajuan Perumahan atas kehadiran, sokongan dan kerjasama yang diberikan, serta kepada semua pihak yang sama-sama menjayakan kempen tersebut.

InsyaaAllah, program gotong-royong bulanan ini akan diteruskan di kawasan-kawasan lain di bawah Mukim Berakas 'B' pada bulan-bulan mendatang, selaras dengan usaha ke arah mewujudkan persekitaran mukim yang bersih, selamat dan harmoni.

# 6 belia sertai Program MUSTAID di Kesultanan Oman





**PEMANGKU Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haswandi bin Haji Osman hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan tersebut (atas dan atas kanan).**

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 September. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS), baru-baru ini telah menghantar enam orang peserta belia bagi menyertai Program MUSTAID - Kem Pembangunan Kemahiran Belia Antarabangsa yang akan berlangsung selama enam hari bermula 20 hingga 25 September 2026 bertempat di Jabal Al Akhdar, Kesultanan Oman.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan berkenaan ialah Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Kesemua peserta yang terpilih mengikuti program ini merupakan peserta daripada Program Youth Leadership, Innovation, Talent and Empowerment (Y-LITE), sebuah platform latihan pembangunan belia yang dikendalikan oleh JBS, KKBS.

Program MUSTAID merupakan program kerjasama di antara Kementerian Kebudayaan, Sukan dan Belia Kesultanan Oman dengan Outward Bound Oman, sebuah institusi pendidikan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Program ini berobjektif bagi menyediakan golongan belia untuk menghadapi pelbagai cabaran serta memberikan impak yang berkekalan menerusi kurikulum latihan berasaskan pembelajaran pengalaman (*experiential learning*) yang inovatif, di samping membekalkan peserta dengan kemahiran dalam kerja berpasukan.

Sepanjang program berkenaan, para peserta akan mengikuti pelbagai aktiviti perkhemahan luar seperti mendaki, pertandingan serta bengkel, di samping lawatan ke tempat menarik di sekitar Muscat.

Objektif program ini juga bagi melengkapkan peserta dengan kemahiran masa hadapan, iaitu pembelajaran sepanjang hayat, kepimpinan, penyelesaian masalah, fleksibiliti dan kebolehsuaian, pemikiran kritis, komunikasi, kreativiti dan inovasi serta pengurusan projek.

Menerusi penyertaan dalam program ini, para peserta diharap dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kefahaman mengenai pembangunan belia serantau, di samping memanfaatkan pengalaman, ilmu dan kemahiran yang diperoleh bagi menyumbang ke arah pembangunan belia yang lebih berdaya saing di Negara Brunei Darussalam.



# Membayar Hutang Si Mati Menggunakan Zakat Daripada Bahagian Al-Gharimin

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

***(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)***

**SALAH** satu golongan yang berhak menerima zakat ialah golongan *al-gharimin* sebagaimana firman Allah Ta'ala :

**Tafsirnya** : *Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil, dan orang-orang yang dijinakkan hatinya dengan Islam (muallaf), dan untuk memerdekakan hamba sahaya, dan orang-orang yang berhutang, dan (untuk pejuang-pejuang yang berjihad) pada jalan Allah, dan orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalanannya (yang terputus perbelanjaannya). Itulah ketetapan daripada Allah. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.*

(Surah at-Taubah : 60)

Al-gharimin (الغارمين) merupakan kata nama jama' bagi al-gharim (الغارم). Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Majmu', *al-gharim* ialah orang yang mempunyai hutang.

Disebut dalam kitab-kitab fiqh bahawa *al-gharimin* dibahagikan kepada empat golongan dan golongan *al-gharimin* yang berhak diberi zakat itu adalah seperti yang berikut :

**Golongan Pertama** : Orang yang berhutang untuk meredakan permusuhan dan mendamaikan pertikaian antara dua pihak dalam perkara berkaitan harta atau nyawa, seperti seseorang berhutang untuk membayar *diyah* kepada keluarga mangsa yang dibunuh yang belum diketahui siapa pembunuhnya agar mengelak daripada berlakunya perbalahan dan fitnah antara dua pihak yang bertelingkah, sekalipun di tempat itu ada orang lain yang boleh meredakan fitnah tersebut.

Orang yang berhutang kerana tujuan ini boleh diberi zakat daripada bahagian *al-gharimin* walaupun dia kaya selama mana hutangnya itu belum dilunaskan dan tempoh melunaskan hutangnya itu pula telah sampai.

**Golongan Kedua** : Orang yang berhutang kerana maslahat umum, seperti membina masjid atau jambatan.

Orang yang berhutang kerana tujuan ini juga boleh diberi zakat daripada bahagian *al-gharimin* walaupun dia kaya selama mana hutangnya belum dilunaskan dan tempoh melunaskan hutangnya itu telah sampai.

**Golongan Ketiga** : Orang yang berhutang untuk maslahat dirinya sendiri dan orang-orang di bawah tanggungannya.

Golongan ini hanya layak diberi zakat daripada bahagian *al-gharimin* jika dia memenuhi kesemua syarat berikut :

i. Hendaklah hutangnya itu telah sampai tempoh melunaskannya.

Sekiranya tempoh melunaskan hutangnya itu belum sampai, maka orang yang berhutang itu tidak layak diberi zakat.

ii. Hendaklah orang yang berhutang itu memerlukan zakat tersebut untuk melunaskan hutangnya yang sudah sampai tempoh melunaskannya dan ketika itu dia tidak mempunyai harta untuk melunaskan hutang tersebut selain daripada harta untuk keperluan lazim bagi dirinya dan orang yang di bawah tanggungannya, sekalipun dia mampu bekerja untuk melunaskan hutangnya kerana bekerja itu mengambil masa yang lama dan dia tetap tidak berupaya melunaskan hutangnya ketika tempoh untuk melunaskannya itu sudah sampai.

iii. Hendaklah tujuan hutangnya itu untuk membelanjakannya pada perkara yang diharuskan atau berupa ketaatan, meskipun kemudiannya dia membelanjakannya pada perkara maksiat dan belum bertaubat, atau tujuan hutangnya itu untuk membelanjakannya pada perkara maksiat tetapi kemudiannya dibelanjakannya pada perkara yang diharuskan, atau tujuan hutangnya itu untuk membelanjakannya pada perkara maksiat dan dia benar-benar telah membelanjakannya untuk perkara itu tetapi dia telah bertaubat daripadanya dan besar sangkaan bahawa taubatnya itu benar.

**Golongan Keempat** : Penjamin hutang orang lain.

Golongan ini hanya layak diberi zakat daripada bahagian *al-gharimin* jika :

i. Hutang orang yang dijamin telah sampai tempoh melunaskannya.

ii. Penjamin seorang yang *mu'sir (susah)*.

iii. Orang yang dijamin ialah seorang yang susah, ataupun boleh juga seorang yang *musir* (kaya) akan tetapi dijamin hutang orang kaya itu tanpa izinnya.

Adapun penjamin yang menjamin hutang dengan izin orang kaya tidak layak diberi zakat daripada bahagian *al-gharimin* kerana penjamin tersebut boleh menuntut semula bayaran hutang yang dijaminnya daripada orang kaya yang dijamin hutangnya tersebut.

iv. Hutang orang yang dijamin sama sekali belum dilunaskan, ataupun penjamin sudah melunaskannya tetapi bukan menggunakan hartanya sebaliknya menggunakan hasil hutangnya daripada orang lain.

Sekiranya hutang orang yang dijamin belum dilunaskan, maka penjamin yang diberi zakat daripada bahagian *al-gharimin* hendaklah menggunakan zakat tersebut untuk melunaskan hutang orang yang dijaminnya itu, manakala jika sebelum penjamin diberi zakat daripada bahagian *al-gharimin* dia sudah melunaskan hutang orang yang dijaminnya menggunakan hasil hutang penjamin daripada orang lain, maka diberi zakat tersebut kepada penjamin sekadar untuk melunaskan hutangnya daripada orang lain tersebut.

Sekiranya seseorang itu tergolong dalam salah satu daripada golongan *al-gharimin* di atas serta dia memenuhi syarat kelayakan menerima zakat, maka dia berhak diberi zakat. Timbul persoalan, bagaimana pula jika seseorang itu meninggal dunia, lalu warisnya mendapati atau dimaklumkan bahawa si mati ada berhutang, adakah ahli waris si mati boleh memohon zakat daripada bahagian *al-gharimin* bagi pihaknya untuk melunaskan hutang si mati?

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya Raudhah ath-Thalibin wa 'Umdah al-Muftin berkata bahawa pendapat *al-ashah* dan *al-masyhur* ialah tidak dibayar hutang si mati menggunakan zakat daripada bahagian *al-gharimin* sebagaimana kata beliau :

**Ertinya** : *Pengarang (kitab) al-Bayan telah menyebut : "Sesungguhnya jika seorang lelaki mati sedang dia menanggung hutang dan dia tidak mempunyai harta peninggalan untuk melunaskan hutangnya itu, maka dalam (perkara) pelunasan (hutangnya itu) daripada bahagian al-gharimin (terdapat) dua pendapat." Dan (pengarang kitab tersebut) tidak menjelaskan (pendapat) al-ashah. (Pendapat) al-ashah (dan) al-masyhur (ialah) : Tidak dilunaskan (hutang si mati) daripadanya (bahagian al-gharimin).*

Imam al-'Imrani *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Bayan fi Madzhab al-Imam asy-Syafi'i menjelaskan sebab tidak dibolehkan melunaskan hutang si mati menggunakan zakat daripada bahagian *al-gharimin* kerana orang yang mengeluarkan zakat itu berhajat untuk menjadikan orang yang diberi zakat sebagai pemilik zakat, sedangkan tidak mungkin orang yang sudah mati dijadikan sebagai pemilik zakat sebagaimana kata beliau :

**Ertinya** : *(Tidak boleh melunaskan hutang si mati menggunakan zakat daripada bahagian al-gharimin) kerana orang yang mengeluarkan zakat berhajat untuk menjadikan orang yang diberi (zakat) memiliki (zakat tersebut), sedangkan tidak mungkin (perkara tersebut) di sini (pada orang yang sudah mati).*

Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj pula menjelaskan bahawa tidak boleh diberi zakat kepada si mati yang tidak sempat melunaskan hutangnya kerana jika si mati melakukan maksiat dengan hutang itu, maka jelas bahawa zakat tidak boleh diberi. Namun, jika si mati berhutang bukan untuk perkara maksiat, si mati tetap dikira tidak berhajat kepada zakat itu lagi sebagaimana Imam ar-Ramli *Rahimahullah* menjelaskan :

**Ertinya** : *Dan tidak diberikan (zakat) kepada orang yang berhutang yang telah mati dan (dia) tidak mempunyai harta peninggalan untuk melunaskan hutangnya, kerana jika dia melakukan maksiat dengannya (hutang), maka jelas (dia tidak boleh diberi zakat). Sekalipun bukan (kerana maksiat), maka dia tetap tidak berhajat (kepada zakat) kerana dia tidak dituntut dengannya (melunaskan hutang).*

Menurut Imam asy-Syibramallisi *Rahimahullah*, maksud "*dia tidak dituntut dengannya*" ialah orang yang mati itu tidak lagi dituntut sekarang, manakala menurut Imam ar-Rasyidi *Rahimahullah*, maksudnya ialah orang yang mati itu tidak lagi dituntut di dunia tetapi tetap dituntut di akhirat. Penjelasan Imam ar-Rasyidi *Rahimahullah* mengenai hutang yang belum dilunaskan tetap dituntut di akhirat ini sesuai dengan hadits yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

**Maksudnya** : *Roh seseorang mukmin itu tergantung-gantung (dihalang daripada tempatnya yang mulia) dengan sebab hutangnya sehingga dilunaskan daripadanya.*

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa hutang orang yang sudah meninggal dunia tidak boleh dilunaskan menggunakan zakat daripada bahagian *al-gharimin* kerana orang yang sudah meninggal dunia tidak lagi berhak untuk diberi zakat.

Demikian penjelasan mengenai membayar hutang si mati menggunakan zakat daripada bahagian *al-gharimin*.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

# Menyampai ilmu, membentuk insan

***DIALAH** yang telah mengutus kepada orang-orang (Arab) yang 'ummiyin', seorang Rasul (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) daripada kalangan mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat keterangan Allah (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan-Nya) dan mensucikan mereka (daripada kepercayaan sesat) serta mengajarkan mereka Kitab (Al-Quran) dan Hikmah (As-Sunnah) dan walaupun mereka itu sebelum (kedatangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) dalam kesesatan yang nyata.*

Surah Al Jumu'ah : 2

Setiap tahun pada 23 September, kita akan menyambut Hari Guru sebagai tanda penghargaan kepada insan yang memainkan peranan besar dalam membentuk masa depan anak-anak dan pembangunan masyarakat dan negara. Pelbagai pengiktirafan, diberikan kepada guru terpilih sebagai lambang penghargaan terhadap sumbangan berkualiti tinggi mereka dalam bidang pendidikan. Sewajarnya kita meletakkan guru sebagai insan yang mulia atas segala pengorbanan mereka mendidik kita.

Kehadiran guru yang berkualiti amat penting untuk menjamin kecemerlangan pendidikan. Guru cemerlang ialah mereka yang bertanggungjawab, berdaya saing, berwawasan, komited, berdedikasi, prihatin, jujur, ikhlas, amanah, dan bertakwa. Selain mempunyai sifat kepimpinan dinamik untuk menjadi teladan berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja, keperibadian mulia ini sudah tentu membantu pelajar cemerlang dalam pelbagai bidang, merangkumi ilmu pengetahuan dan keagamaan.

Peranan guru sebagai pendidik amat besar dalam membentuk dan melahirkan anak didik yang berilmu dan berakhlak mulia. Justeru, guru wajib memiliki akhlak yang tinggi dan menjauhi sifat keji memandangkan pengaruh mereka sangat kuat terhadap pembentukan akhlak pelajar. Keperibadian ini penting untuk melahirkan guru dan pelajar yang berkualiti secara menyeluruh. Teladan terunggul untuk kita contohi ialah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, seperti mana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Ahzab, ayat 21 yang mafhumnya :

*"Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu iaitu bagi orang yang mengharapkan (keredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah".*

Tanggungjawab guru amat besar dalam membekalkan pelajar dengan ilmu dan kemahiran. Oleh itu, guru yang berdedikasi tinggi sanggup berkorban masa, tenaga, dan harta demi kejayaan pelajar. Mereka sentiasa berusaha mempertingkatkan kemahiran pengajaran, termasuk kemahiran IT mengikut arus moden. Usaha ini membuktikan kesedaran mereka bahawa strategi penyampaian yang kreatif adalah kunci utama untuk menarik minat dan memudahkan pelajar menguasai pembelajaran.

Kejayaan kita pada hari ini adalah hasil didikan guru yang berkualiti. Justeru, para guru disarankan agar terus istiqamah membina kecemerlangan diri selari dengan hasrat Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berilmu dan berdaya saing tinggi. Kita pohonkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar sentiasa merahmati dan melindungi para guru yang telah berbakti mendidik kita.

# MAJLIS MEMPERKUKUH UKHUWAH, BERKONGSI PENGALAMAN MENANGANI ISU KANSER

**Oleh : Nurdiyanah Rajami**
**Foto : Nurdiyanah Rajami, Ihsan Brunei Breast Cancer Support Group**

**GADONG**, Isnin, 21 September. - Dengan hasrat murni bagi sama - sama memperkukuh ukhuwah antara kedua-dua persatuan sambil bertukar-tukar fikiran dan berkongsi pengalaman dalam menangani isu-isu kanser, Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei (Brunei Breast Cancer Support Group - BBCSG) telah menghoskan Majlis Makan Tengah Hari bersama rombongan Persatuan Kanser KanWork bertempat di Restoran Aminah Arif, Jalan Batu Bersurat, Gadong, baru-baru ini.

Majlis berkenaan diadakan bersempena lawatan yang disertai oleh 13 ahli rombongan Persatuan Kanser KanWork terdiri daripada golongan *survivor, caregiver* dan sukarelawan di Negara Brunei Darussalam (NBD) selama empat hari bermula dari 18 September lalu.

Antara yang hadir bagi mengalu-alukan para rombongan yang diketuai oleh Presiden Persatuan Kanser KanWork, Yang Berbahagia Profesor Dr. Maznah binti Mohamad ialah Presiden BBCSG, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin; Timbalan Presiden BBCSG, Dayang Hajah Linda Aini binti Abdullah; Bendahari BBCSG, Profesor Madya Puan Dr. Hajah Masrinawati binti Haji Abdul Hamid; dan Timbalan Bendahari BBCSG, Dayang Hajah Jainah binti Haji Musa serta ahli-ahli persatuan.

Sehubungan itu, Dayang Hajah Aminah dalam ucapan alu-aluan antaranya merakamkan kesyukuran dengan adanya detik perjumpaan antara ahli-ahli kedua-dua persatuan selaras dalam usaha menanai tujuan penubuhan kedua-dua persatuan yang sama.

Jelas beliau, tujuan penubuhan BBCSG adalah sama juga seperti penubuhan Persatuan Kanser KanWork Malaysia antaranya bagi memberi sokongan kepada mereka yang terkesan dengan kanser tetapi kita kanser payudara; menyampaikan maklumat dan memberi pendidikan mengenai kanser; mewujudkan kesedaran terhadap kanser untuk pengesanan awal; memberi pendedahan cara bagaimana menangani pesakit kanser payudara kepada keluarga mereka dan juga untuk menggalakkan cara hidup sihat bagi mengurangkan risiko kanser.

"Alhamdulillah, Persatuan Kanser KanWork cukup bertuah kerana mempunyai ahli seramai 500 orang iaitu 90 peratus wanita, 70 peratus *survivor*, 20 peratus *caregiver* dan 10 peratus sukarelawan. Namun di NBD, kita hanya memiliki ahli yang tidak mencapai 30 orang. Walau bagaimanapun usaha berterusan dalam mencapai matlamat persatuan kita masing-masing sentiasa terus diperjuangkan dari semasa ke semasa," ujarnya.

Dalam pada itu, Dayang Hajah Aminah turut mengongsikan sepanjang penubuhan BBCSG pada 16 Jun 2004, antara kegiatan yang dilaksanakan adalah memeduli anak-anak yatim yang terdiri daripada ayah mereka yang telah kembali menemui Ilahi akibat kanser; ibu-ibu tunggal; melawat pesakit kanser sama ada di rumah mereka atau di hospital untuk memberi sokongan dan semangat; memberi bantuan dari segi pembelian baju dalam khas dan anggota-anggota palsu (*prostheses*) dan begitu juga bantuan berupa kewangan apabila pesakit kanser menjalani rawatan di luar negeri dan tidak terkecuali juga bantuan kewangan kepada ahli-ahli keluarga yang ditinggalkan oleh para pesakit kanser yang telah kembali ke rahmatullah.

Selain itu, BBCSG turut mengadakan majlis khatam Al-Quran dan bertahlil khusus kepada insan-insan yang telah pergi lebih dahulu di samping persatuan berkenaan juga menerbitkan Buku Yasin, Al-Quran Terapi Kanser iaitu sebanyak 18 ribu tercetak sejak 2018 dan Buku Yasin Fadhilat dengan lebih 3,000 cetakan.

Dayang Hajah Aminah turut berkongsi bahawa BBCSG juga mengadakan program - program seperti seminar, forum dan ceramah serta sering diundang oleh institusi-institusi pendidikan tinggi, jabatan-jabatan kerajaan dan swasta untuk menyampaikan ceramah sempena Bulan Kesedaran Kanser Payudara sempena Bulan Kesedaran Kanser Payudara yang disambut dalam bulan Oktober pada setiap tahun.

Beliau turut mengimbas kenangan manis apabila pada tahun 2019 BBCSG berjaya melibatkan lebih daripada 500 orang Muslimah masjid di keempat-empat buah daerah di NBD untuk menghadiri Forum Bulan Kesedaran Kanser Payudara di Masjid Universiti Brunei Darussalam dengan tujuan untuk membarigakan secara meluas kempen Bulan Kesedaran Kanser Payudara kepada masyarakat di negara ini khususnya kaum wanita dalam pelbagai peringkat.

Sepanjang sesi lawatan rombongan Persatuan Kanser KanWork di NBD, mereka berpeluang mengadakan lawatan ke Bangunan Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC) dan juga tempat-tempat menarik di negara ini.



**MAJLIS berkenaan bertujuan memperkukuh ukhuwah antara kedua-dua persatuan sambil bertukar-tukar fikiran dan berkongsi pengalaman dalam menangani isu-isu kanser.**

# MINDA PEMBACA



## Kesan pengangguran terhadap ekonomi dan masyarakat

**PENGANGGURAN** bukanlah suatu perkara yang asing dalam masyarakat setempat, namun isu ini merupakan api dalam sekam yang boleh menjejaskan pembangunan negara. Ketidakseimbangan dalam kuota kerja kosong dan peningkatan jumlah graduan merupakan salah satu penyumbang utama dalam kadar pengangguran di Negara Brunei Darussalam. Oleh hal yang demikian, kesan pengangguran terhadap ekonomi dan masyarakat wajarlah diberikan perhatian agar semua pihak yang terlibat dapat melaksanakan tanggungjawab masing-masing dalam menangani isu ini.

Secara idealnya, potensi tenaga kerja haruslah dimanfaatkan sepenuhnya bagi memacu ekonomi negara ke arah kecemerlangan. Namun, isu pengangguran terbukti menjadi suatu halangan. Apabila individu tidak mempunyai peluang untuk mengaplikasikan bakat dan kebolehan yang ada untuk tempoh yang berpanjangan, negara akan kehilangan aset utama dan modal insan yang bernilai tinggi. Impaknya, produktiviti negara dan Keluaran Dalam Negara Kasar akan merosot jika hal ini tidak diatasi dengan cekap. Lebih membimbangkan lagi, isu pengangguran ini dikhuatiri akan melengahkan proses pencapaian aspirasi negara iaitu Wawasan Brunei 2035.

Apabila dikaji dari sudut sosial, pengangguran juga boleh menurunkan taraf hidup masyarakat. Tanpa sumber kewangan yang stabil, masyarakat akan menghadapi kesulitan dalam menampung perbelanjaan seharian. Akibat kedesakan untuk memenuhi keperluan hidup mulai memuncak, kadar jenayah berpotensi untuk meningkat dan justeru membawa ancaman terhadap keselamatan dan kesejahteraan awam. Selain itu, tekanan jiwa dan emosi untuk segera memperoleh pekerjaan turut akan menjejaskan hubungan kekeluargaan dalam kalangan masyarakat.

Secara keseluruhannya, sudah terang lagi bersuluh bahawa pengangguran bukan sahaja menjejaskan kemakmuran ekonomi negara, malahan juga mengancam keberlangsungan hidup masyarakat. Oleh itu, individu haruslah mengambil langkah proaktif dalam meningkatkan kemahiran diri untuk berusaha mencari rezeki yang halal, di samping melaksanakan anjakan paradigma dari sudut pemikiran dalam mencipta peluang pekerjaan yang baharu atau memilih peluang pekerjaan yang sedia ada.

**Nama : Nurin binti Idris**
**No. K/P : 01-163XXX**

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Amalan Gaya Hidup Lestari dalam Menghadapi Perubahan Iklim'.** Tarikh Tutup **: 23 September 2026**
2. **'Strategi Memperkukuh Pengeluaran Makanan Tempatan'.** Tarikh Tutup **: 30 September 2026**
3. **'Peranan Komuniti dalam Memajukan Pembangunan Sukan'.** Tarikh Tutup **: 7 Oktober 2026**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# PENUBUHAN MPM BERAKAS 'B' PERKUKUH PERMUAFAKATAN AKAR UMBI





**SUASANA pada Mesyuarat Penubuhan Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B', Daerah Brunei dan Muara yang diadakan di Bilik Serbaguna, Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar (atas dan atas kanan).**

**Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B'**

**BERAKAS**, Isnin, 21 September. - Mesyuarat Penubuhan Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B', Daerah Brunei dan Muara diadakan baru-baru ini bertempat di Bilik Serbaguna, Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar.

Mesyuarat tersebut dihadiri seramai 34 orang dan dipengerusikan oleh Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah.

Dalam ucapan pengerusinya, Penghulu Mukim Berakas 'B' antara lain menekankan bahawa penubuhan Majlis Perundingan Mukim (MPM) Berakas 'B' bukan sekadar pembentukan jawatankuasa, bahkan merupakan satu amanah bersama yang perlu digalas dengan penuh keikhlasan, komitmen dan semangat bermuafakat.

Beliau turut menyatakan bahawa MPM perlu berperanan sebagai platform bagi ahli-ahlinya untuk berfikir, merancang dan bertindak secara kolektif demi kemakmuran mukim, kesejahteraan penduduk dan keharmonian masyarakat, seterusnya menyumbang ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

سمبوتن هاري ݢورو ک٣٦

# Sambutan Hari Guru Ke-36

23 September 2026M

ݢورو ڤمڠکين ڤنديديقن لستاري دان اينوۏاسي

## Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi









هاري ݢورو
23 SEPTEMBER
HG36
Sambutan
Hari Guru Ke-36

# Persidangan Majlis Perkembangan Industri Asia di-Bangkok

**BANDAR BRUNEI. Rombongan Perwakilan Brunei ka-Persidangan Majlis Perkembangan Industri Asia yg. di-ketuai oleh Yang Berhormat Pg. Damit bin Pg. Sunggoh, Penulong Menteri Pertanian dan di-sertai oleh Awang Zakaria bin Haji Sulaiman dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan dan Dr. J.S. Gould, Penasehat Ekonomi Bangsa2 Bersatu telah selamat kembali ka-Brunei pada petang 13 September, 1966 sa-telah berada di-luar negeri salama dua minggu.**

Persidangan Majlis Perkembangan Industri Asia itu telah di-adakan di-Bangkok, ibu kota Thailand, dari 2 September, 1966 hingga 7 Sepembert, 1966 dan telah di-hadziri oleh 19 buah negeri, semua-nya ahli2 dari kawasan Asia dan Timor Juah.

Persidangan itu telah di-pengerusi oleh Dr. Porn Srichamara, ketua Perwakilan Thailand.

Majlis Perkembangan Industri Asia ini telah pun di-tubohkan oleh ECAFE dalam mashuarat Tahunannya yang ke-XXII yang telah berlangsong di-New Delhi pada awal tahun ini.

Majlis ini di-tubohkan ada-lah memandang kapada kemundoran perkembangan Industri di-Kawasan Asia dan Timor Jauh walau pun lebeh daripada 2/3 dari pendudok di-dunia ini ada-lah di-dapati di-kawasan ini.

Dalam persidangan pertama Majlis ini beberapa perkara yang penting telah di-perbinchangkan termasok-lah chara2 menggunakan Gas asli yang terdapat di-Iran dan Brunei dan juga penubohan satu badan penasehat yang pakar untok menasehatkan negeri2 ahli dalam satu2 projek yang di-ranchang oleh sa-sabuah negeri itu kalau negeri2 itu meminta bantuan badan itu.

Di-samping menghadziri Persidangan Majlis Perkembangan Industri Asia ini, rombongan ini juga telah dapat mengadakan perjumpa'an dengan Menteri Pertanian Thailand dan Menteri Hal-Ehwal Ekonomi Thailand.

Dalam perjumpa'an ini, yang di-adakan sa-chara tidak resmi, beberapa perkara yang berkena'an dengan pertanian dan perbekalan makanan telah dibinchang termasok chara2 kedua2 buah negeri Brunei dan Thailand bekerja sama dalam segala bidang ekonomi dan pertanian.

Rombongan ini juga telah dapat melawat beberapa buah pusat pertanian saperti, pusat penyiasat padi, Artificial Insinuation Centre di-Nong Po dan perusaha'an perternakan ayam yang berdekatan dengan Bangkok.

# Waktu² Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong Mulia hari Rabu 28 September hingga ka-hari Selasa 4 Oktober, 1966 ada-lah saperti di-bawah ini:—

| Hari Bulan | Dzohor | Asar | Maghrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 28 Sept. | 12.18 | 3.35 | 6.21 | 7.33 | 4.36 | 4.51 | 6.08 |
| 29 Sept. | 12.18 | 3.35 | 6.21 | 7.33 | 4.36 | 4.51 | 6.08 |
| 30 Sept. | 12.18 | 3.35 | 6.21 | 7.33 | 4.36 | 4.51 | 6.08 |
| 1 Oktober | 12.16 | 3.33 | 6.17 | 7.31 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 2 Oktober | 12.16 | 3.33 | 6.17 | 7.31 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 3 Oktober | 12.16 | 3.33 | 6.17 | 7.31 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 4 Oktober | 12.16 | 3.33 | 6.17 | 7.31 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# BELIA2 DARI SELUROH NEGARA MENYEMBAHKAN UCHAPAN IKRAR TA'AT SETIA KEBAWAH D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN

**BANDAR BRUNEI. — Pemuda Pemudi di-seluroh Negeri Brunei telah menyembahkan uchapan ikrar ta'at setia Kabawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin sabagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Kali Yang Ke-50.**

Uchapan itu telah ditanda tangani oleh Yang Di-Pertua, Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Umar dan telah disembahkan Kabawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Istiadat Mengadap di-Istana Darul Hana pada pagi hari Juma'at 23 September, 1966 oleh empat orang wakil dari Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei.

Wakil2 tersebut ia-lah: Awang Yahya bin Mohd. Yusof, Setia Usaha Agong, Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei (selaku Wakil Belia2 dari Daerah Brunei dan Muara); Awang Ahmad bin Kadi (selaku Wakil Belia2 dari Daerah Tutong); Awangku Tajuddin bin Pengiran Abu Bakar (selalu Wakil Belia2 dari Daerah Belait) dan Awang Yazid bin Ibrahim (selaku Wakil Belia2 dari Daerah Temburong).

Kandongan uchapan tersebut ada-lah saperti berikut:

"Ampun Tuanku beribu ampun, sembah patek pachal yang hina junjong diampun:

Dengan menyusun sepuloh jari terlebeh dahulu patek bagi pehak dan atas nama ra'ayat Duli Tuanku dari gulongan pemuda pemudi di-seluroh pelusok Negeri Brunei Darul-Salam, menguchapkan shukor kapada Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengurniakan limpah kurnia-nya membolehkan patek2 semua, selaku pemuda pemudi di-negeri Brunei yang sangat di-chintai ini, bersama2 dengan ra'ayat Duli Tuanku yang lain dan pendudok2 negeri ini meraikan Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia Tuanku kali yang ke-50.

Ampun Tuanku: Pada sa'at yang baik dan hari yang berdaulat ini ra'ayat Duli Tuanku dari gulongan pemuda pemudi di-seluroh tanah ayer, dengan semangat belia yang bergemuroh dan perasa'an yang penoh dengan keshukoran dan kegembira'an patek sekelian menyembahkan tanhiah yang tidak terhingga nilai-nya kapada Duli Tuanku sa-bagai satu kehormatan bagi mengingati Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Tuanku yang sangat di-berkati ini.

Daulat Tuanku: Pada hari yang berbahagia lagi bersejarah ini patek sekalian, dengan azam yang tunggal dan dari hati yang puteh serta niat yang suchi, membaharui dan meneruskan ikrar ta'at setia patek sekalian kapada Duli Tuanku dan ra'ayat serta negeri yang Duli Tuanku perintahkan.

Akhirul Kalam dengan sampena hari yang bersafa'at ini patek sekalian berdo'a semoga Allah Subhanahu Ta'ala akan melanjutkan usia Duli Tuanku, Kerabat Di-raja dan ra'ayat Duli Tuanku yang ta'at lagi setia keseluroh-an-nya. Mudahan2 juga Allah Subhanahu Ta'ala akan terus dan sentiasa melimpahkan perlindongan dan pertunjok-Nya dalam tugas Duli Tuanku sa-bagai Ketua Negara dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, Memerintah dengan penoh keadilan dan kebijaksana'an semata2 kerana Allah Subhanahu Wata'ala jua hendak-nya.

Ampun Tuanku: Sekianlah sahaja yang patek sekalian dapat sembahkan dan patek sekalian dengan menyusun sa-puloh jari menjunjong ampun dan ma'af jika sekira-nya ada terdapat persembahan perkata'an yang kurang manis dan bahasa yang kurng majlis."

# *Menghadhiri Kursus Kebajikan Masharakat di-England*

BERAKAS. — Dayang Marhani binte Abdul Latif dari Jabatan Kebajikan Masharakat Negara, Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-United Kingdom pada hari Khamis 22 September, 1966 untok menghadhiri Kursus Kebajikan Masharakat sa-lama enam bulan.

Kursus tersebut akan diadakan di-Barking Regional College of Technology, London dan akan di-hadhiri oleh Pegawai2 dari Jabatan Kebajikan Masharakat Sa-berang Laut.




# Guru : Suluh bangsa, tunjang negara

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

SETIAP kali tiba Hari Guru, kita sering mendengar ucapan-ucapan terima kasih kepada para guru yang telah mendidik kita dan anak-anak kita dengan penuh dedikasi. Pada hari ini kita meraikan golongan guru yang sumbangan serta jasa mereka amat besar, mendidik kita menulis, membaca dan menjadi insan berguna.

Hari Guru juga merupakan detik bagi para guru sendiri merenung dan menilai semula falsafah pegangan mereka selama ini sebagai penyampai ilmu. Dalam semangat yang sama, Sambutan Hari Guru harus dilihat lebih daripada acara tahunan bagi tujuan mengucapkan terima kasih kepada guru-guru kita pada masa ini.

Ia juga merupakan ruang refleksi bagi kita memikirkan sejauh manakah kita, sebagai anggota masyarakat menghargai jasa guru-guru kita. Guru adalah tunjang utama kepada agenda reformasi pendidikan yang sedang giat berjalan di setiap peringkat.

Perjuangan golongan ini juga bukan sesuatu yang mudah atau sembarangan, apatah lagi dengan zaman yang semakin moden, yang menyaksikan para guru juga perlu berhadapan dengan pelbagai suasana serta ragam anak-anak murid mereka selain memastikan arus pendidikan seiring dengan perubahan pembangunan negara.

Masyarakat pula perlu menghargai pengorbanan besar guru dan meletakkan rasa hormat tinggi terhadap mereka. Hargailah ketulusan dan keikhlasan perjuangan semua pendidik menyampaikan ilmu untuk memandaikan anak bangsa. Tanpa mereka, siapalah kita.

Dalam era yang mencabar ini, peranan guru semakin besar. Guru bukan lagi sekadar penyampai ilmu, tetapi pembimbing, kaunselor, dan pembina karakter. Di tangan gurulah lahirnya para cendekiawan, pemimpin dan cerdik pandai yang akan menerajui negara. Justeru, tidak keterlaluan jika dikatakan guru adalah tunjang negara.

### Guru sebagai pembentuk jati diri

Selain menyampaikan ilmu pengetahuan, guru juga berperanan penting dalam membentuk sahsiah murid. Nilai-nilai murni seperti kejujuran, tanggungjawab, kasih sayang, hormat-menghormati dan semangat kerjasama diajar oleh guru di dalam dan di luar bilik darjah. Guru menjadi contoh teladan kepada murid bukan sahaja melalui kata-kata, tetapi juga melalui perbuatan dan sikap harian mereka.

Dalam era reformasi ini, pendidikan bukan sahaja tertumpu kepada akademik, tetapi turut merangkumi pembangunan karakter, kemahiran insaniah dan daya tahan mental. Guru memainkan peranan sebagai mentor dan kaunselor yang membantu murid mengurus emosi dan tekanan. Hal ini sangat penting dalam melahirkan generasi yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

### Cabaran yang dihadapi guru

Namun begitu, tanggungjawab sebagai pemacu reformasi bukanlah sesuatu yang mudah. Guru terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti beban kerja yang bertambah, tekanan untuk mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang dan kurangnya sokongan daripada pihak tertentu. Selain itu, mereka juga perlu sentiasa mengikuti kursus pembangunan profesional bagi memastikan mereka selari dengan perubahan dasar pendidikan dan kehendak industri.

Dalam mendepani cabaran ini, guru perlu sentiasa mempunyai semangat juang yang tinggi, minat yang mendalam terhadap profesion perguruan, serta kesediaan untuk terus belajar dan berubah. Sokongan daripada pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat amat penting agar guru tidak berasa keseorangan dalam memacu perubahan yang besar ini.

Peranan guru bukan sahaja mengajar di dalam bilik darjah dan menyelesaikan sukatan pelajaran yang disediakan, tetapi turut membantu membina insan anak-anak cemerlang dalam akademik serta mampu menjadi sebahagian daripada pimpinan negara pada masa hadapan.

### Penghargaan buat warga pendidik

Sebagai murid, kita seharusnya menghargai segala jasa dan pengorbanan guru. Kita perlu menunjukkan disiplin, menghormati guru, mendengar nasihat mereka dan sentiasa berusaha menjadi murid yang baik. Ucapan *"Terima kasih cikgu"* mungkin nampak ringkas, tetapi sangat bermakna buat mereka yang ikhlas mencurah ilmu. Di samping itu, pihak kerajaan dan masyarakat juga perlu memastikan kebajikan guru sentiasa terpelihara agar mereka dapat terus menyumbang secara efektif kepada pembangunan negara.

Guru-guru menyemai bakti, menabur budi dan akhirnya melahirkan generasi demi generasi, yang mana setiap generasi itu adalah generasi yang akan mengemudi negara ke arah lebih baik.

Dalam konteks kita memperingati jasa guru dan kepentingan ilmu, guru-guru perlulah membulatkan tekad untuk terus mempertahankan profesion sebagai guru kerana dalam kalangan masyarakat profesion ini amat dihormati.

### Kesimpulan

Kesimpulannya, guru ialah tonggak utama dalam menjayakan reformasi pendidikan. Tanpa guru yang berdedikasi dan bersemangat, segala usaha pembaharuan dalam pendidikan tidak akan berhasil. Tema Hari Guru 2026 iaitu 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi' bukan sekadar slogan, tetapi satu pengiktirafan terhadap peranan besar guru dalam membentuk masa depan negara. Marilah kita semua menghargai guru dan menyokong usaha mereka demi melahirkan generasi yang lebih cemerlang dan berdaya saing.

BERITA GLOBAL

# NORWAY, FINLAND CADANG TUBUH BADAN ANTARABANGSA PANTAU PEMBANGUNAN AI

**ISTANBUL**, 22 Sept. - Perdana Menteri Norway Jonas Gahr Store dan Presiden Finland Alexander Stubb melancarkan satu inisiatif yang mencadangkan penubuhan badan antarabangsa bagi memantau pembangunan Kecerdasan Buatan (AI), lapor Anadolu Ajansi memetik media Norway.

Store memberitahu penyiar VG bahawa inisiatif itu dilancarkan susulan kebimbangan yang disuarakan wakil syarikat AI terhadap pembangunan sistem AI yang semakin canggih dan berkeupayaan.

"Kecerdasan Buatan mesti kekal di bawah panduan, penyeliaan dan kawalan manusia serta dibangunkan dan digunakan selaras dengan undang-undang antarabangsa," menurut kenyataan bersama kedua-dua negara itu.

Inisiatif berkenaan menggesa syarikat AI membangunkan protokol keselamatan yang terbuka dan boleh disahkan, termasuk mewajibkan ujian sebelum sesuatu model digunakan, selain menjalankan audit serta penilaian bebas.

Ia turut menggesa kerajaan dan organisasi serantau membangunkan piawaian bersama, meningkatkan ketelusan serta mewujudkan mekanisme pelaporan bersama bagi insiden keselamatan serius.

Selain itu, inisiatif berkenaan mencadangkan negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berusaha menubuhkan sebuah institusi antarabangsa yang boleh menetapkan piawaian, memudahkan proses pengesahan serta menghimpunkan negara apabila sistem AI mencapai tahap keupayaan tertentu.

Store membandingkan institusi yang dicadangkan itu dengan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), sebuah organisasi antarabangsa yang memantau keselamatan nuklear dan usaha mencegah percambahan nuklear.

Inisiatif itu dikemukakan ketika kebimbangan terhadap perkembangan pesat sistem AI serta laporan mengenai ejen AI yang beroperasi di luar persekitaran ujian terkawal.

Ketua Pegawai Eksekutif Anthropic Dario Amodei secara berasingan memberi amaran bahawa pembangunan AI boleh membawa kesan serius jika tidak diperlahankan, manakala penyelidik AI di Norway mempunyai pandangan berbeza mengenai risiko tertentu serta kadar perkembangannya.

Pejabat Perdana Menteri menegaskan bahawa sektor perniagaan, kerajaan dan masyarakat perlu menangani risiko berkaitan AI, pada masa sama memastikan jurang antara negara dalam menikmati manfaat teknologi itu tidak semakin melebar. - ©BERNAMA

# Penerbangan di timur laut AS kembali beroperasi selepas gangguan teknikal

**WASHINGTON**, 22 Sept. - Operasi penerbangan di beberapa lapangan terbang di timur laut Amerika Syarikat (AS) kembali pulih pada petang Isnin selepas talian telekomunikasi berjaya dibaik pulih, kata Setiausaha Pengangkutan AS Sean Duffy.

"Proses untuk mengatasi semua kelewatan sedia ada akan mengambil sedikit masa, justeru sila semak dengan syarikat penerbangan masing-masing bagi mendapatkan maklumat terkini," kata Duffy menerusi X, menurut Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Terdahulu, kru pembinaan Amtrak secara tidak sengaja memotong kabel gentian optik di New Jersey, menyebabkan gangguan perkhidmatan yang mendorong Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) mengenakan sekatan sementara (*ground stop*) terhadap penerbangan menuju ke beberapa lapangan terbang di rantau berkenaan.

Gangguan itu turut mendapat perhatian susulan jangkaan ketibaan ramai diplomat dan pemimpin dunia di New York minggu ini bagi menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Menurut FAA, sekatan itu pada mulanya dikenakan terhadap penerbangan menuju ke Lapangan Terbang Newark di New Jersey pada pagi Isnin ekoran gangguan peralatan.

Sekatan itu kemudian diperluas ke beberapa lapangan terbang lain termasuk LaGuardia dan JFK di New York, Lapangan Terbang Antarabangsa Logan di Boston serta Lapangan Terbang Antarabangsa Philadelphia. - ©BERNAMA

# Taufan hampiri pantai timur Jepun, hujan lebat dijangka

**TOKYO**, 21 Sept. - Agensi cuaca mengeluarkan amaran hujan lebat, angin kencang dan tanah runtuh susulan taufan menghampiri pantai Pasifik timur Jepun, lapor Kyodo News.

Taufan Dujuan dijangka melintasi berhampiran Semenanjung Boso di Wilayah Chiba, timur Tokyo, dari petang hingga lewat Isnin, kata Agensi Meteorologi Jepun.

Perkhidmatan kereta api lajudi Laluan Tokaido Shinkansen, yang menghubungkan Tokyo dan Osaka, mungkin mengalami kelewatan dan pembatalan pada sebelah petang, kata JR Central.

Menurut agensi itu, hujan lebat yang berpunca daripada jalur hujan linear boleh berlaku di wilayah Kanto-Koshin di timur serta wilayah Tokai di tengah Jepun.

Taufan ke-25 tahun ini telah mengganggu pengangkutan, memaksa penutupan sebahagian lebuh raya ketika musim cuti lima hari.

Taufan yang terletak kira-kira 110 kilometer (km) barat-barat daya Pulau Hachijo itu bergerak ke timur laut pada kelajuan 20km sejam setakat 10 pagi. - ©BERNAMA

# Jepun perkukuh langkah tangani kumbang invasif dengan peruntukan US$43 juta

**TOKYO**, 21 Sept. - Kementerian Alam Sekitar Jepun mempergiat langkah menangani kumbang tanduk yang merosakkan pokok sakura dengan memohon peruntukan 6.7 bilion yen (US$43 juta) bagi membanteras spesies invasif dalam belanjawan awal tahun fiskal akan datang, lapor Kyodo News.

Menurut kementerian itu, jumlah yang dipohon adalah 11 kali ganda berbanding peruntukan awal 600 juta yen bagi tahun fiskal 2026 dan akan digunakan untuk membasmi kumbang *red-necked longhorn* serta memperkukuh langkah melindungi pokok termasuk plum dan pic daripada serangan kumbang berkenaan.

Kementerian itu berkata pertambahan populasi kumbang terbabit boleh menyebabkan kerosakan sektor pertanian, menjejaskan aktiviti menikmati keindahan bunga sakura pada musim bunga, meningkatkan risiko pokok tumbang serta memberi kesan kepada ekosistem.

Susulan kerosakan yang berlaku di seluruh negara, Kementerian Alam Sekitar dan Kementerian Pertanian menubuhkan pasukan petugas pada Julai dan menerima pakai strategi awal bulan ini yang antara lain menjanjikan bantuan teknikal dan kewangan kepada kerajaan tempatan.

Menurut kementerian itu, kumbang yang berukuran kira-kira 2.5 hingga empat sentimeter panjang itu berasal dari Republik Rakyat China, Semenanjung Korea, Taiwan dan Republik Sosialis Viet Nam serta beberapa tempat lain.

Ia kali pertama dikesan di Jepun pada 2012 dan sejak itu ditemukan di pelbagai kawasan di negara berkenaan.

Kumbang dewasa paling banyak ditemukan antara Mei hingga Ogos. Larvanya menetas daripada telur yang diletakkan di celah rekahan pokok sebelum menggali masuk ke dalam kayu dan memakan bahagian pokok selama dua hingga tiga tahun sebelum menjadi pupa.

Pada 2018, kumbang itu ditetapkan sebagai 'spesies asing invasif'.

Pembiakan, pemeliharaan, pengimportan, penjualan atau pelepasannya ke habitat liar adalah dilarang.

Bagi mengelakkan kumbang itu daripada terus merebak, beberapa kerajaan tempatan mula menawarkan ganjaran kepada individu yang menangkap dan membunuhnya.

Pekan Kawajima di Wilayah Saitama membayar 100 yen bagi setiap ekor kumbang, manakala bandar Oyama di Wilayah Tochigi membayar 500 yen bagi setiap 10 bangkai kumbang.

Kementerian itu berkata bagi tahun fiskal 2026, tambahan 600 juta yen diperuntukkan daripada hasil cukai pelancong antarabangsa untuk melindungi pokok sakura sebagai "sumber pelancongan penting".

Bagaimanapun, jumlah peruntukan bagi tahun fiskal akan datang masih belum ditentukan. - ©BERNAMA

# Angka korban tanah runtuh di wilayah Tokyo meningkat kepada 4

**TOKYO**, 22 Sept. - Angka korban akibat tanah runtuh susulan hujan lebat di wilayah Tokyo meningkat kepada empat selepas dua lagi mangsa disahkan maut di Wilayah Chiba pada Selasa, lapor Kyodo News.

Dua wanita masing-masing berusia lingkungan 70-an dan 80-an disahkan meninggal dunia selepas kediaman mereka runtuh akibat tanah runtuh, menjadikan angka korban meningkat kepada empat.

Kejadian berlaku selepas Taufan Dujuan melintasi berhampiran pantai Pasifik di timur Jepun pada Isnin.

Enam orang masih gagal dikesan di wilayah Chiba dan Kanagawa.

Pada Isnin, seorang lelaki berusia 51 tahun di Chiba dan seorang wanita di Kanagawa turut terbunuh dalam kejadian tanah runtuh. - ©BERNAMA

# ASEAN, AS perkukuh hubungan perdagangan menerusi pelan kerjasama 2026-2027

**MANILA**, 21 Sept. - ASEAN dan Amerika Syarikat (AS) terus memperkukuh hubungan perdagangan dan pelaburan menerusi pelan kerja baharu bagi tempoh 2026-2027 yang memberi tumpuan kepada beberapa bidang utama termasuk ekonomi digital, pertanian, pemudahcaraan perdagangan serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME), lapor Agensi Berita Filipina (PNA).

Pelan Kerja Pengaturan Rangka Kerja Perdagangan dan Pelaburan ASEAN-AS (TIFA) 2026-2027 diperakui pada Rundingan Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN-Wakil Perdagangan Amerika Syarikat (AEM-USTR) di Manila pada Ahad.

Mesyuarat itu dipengerusikan bersama Setiausaha Perdagangan Filipina Ma. Cristina Roque dan Timbalan Wakil Perdagangan AS, Duta Rick Switzer.

Dalam kenyataan bersama, menteri-menteri ekonomi ASEAN dan AS berkata pelan kerja baharu itu dibina berasaskan pelaksanaan Pelan Kerja TIFA 2025-2026 yang menghasilkan pencapaian dalam beberapa bidang termasuk ekonomi digital, pemudahcaraan perdagangan, hak harta intelek, amalan kawal selia yang baik dan pertanian.

Kedua-dua pihak turut menegaskan semula komitmen untuk mengekalkan serta memperluas hubungan perdagangan dan pelaburan ketika berdepan cabaran ekonomi serantau dan global, termasuk memastikan koridor perdagangan kekal terbuka serta meningkatkan daya tahan rantaian bekalan.

Berdasarkan statistik awal ASEAN, perdagangan barangan dua hala antara ASEAN dan AS mencecah US$550.5 bilion pada 2025, manakala pelaburan langsung asing (FDI) AS ke rantau ini berjumlah US$30 bilion dalam tempoh sama.

Pelan kerja terbaharu itu mengenal pasti beberapa bidang bagi memperluas kerjasama termasuk ekonomi digital, pembangunan MSME, pemudahcaraan perdagangan, hak harta intelek, piawaian, amalan kawal selia yang baik, tenaga kerja, pertanian, persaingan dan perlindungan pengguna serta pengurusan perdagangan strategik.

Para menteri turut menekankan kepentingan ASEAN-AS TIFA yang ditandatangani pada 2006 dan menjadi platform utama bagi hubungan ekonomi antara kedua-dua pihak sejak dua dekad lalu.

"Mesyuarat menekankan kepentingan memastikan TIFA kekal relevan, responsif dan berpandangan ke hadapan, selain terus diselaraskan dengan keutamaan ASEAN dan Amerika Syarikat yang berkembang, sambil memperkukuh peranannya sebagai platform utama dalam memajukan kerjasama ekonomi ASEAN-AS pada tahun-tahun akan datang," menurut kenyataan itu.

Mesyuarat turut mengiktiraf peranan US-ASEAN Connect Series dalam menggalakkan kerjasama digital, menyokong MSME serta menghubungkan perniagaan, pelabur dan usahawan.

Program Perkongsian ASEAN-AS pula diiktiraf atas peranannya menyediakan bantuan teknikal dan pembangunan kapasiti kepada negara anggota ASEAN.

Para menteri juga menegaskan semula kepentingan bekerjasama dalam usaha menambah baik Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), selain mengalu-alukan sumbangan inisiatif yang melibatkan beberapa negara dalam memajukan perbincangan mengenai isu perdagangan yang semakin berkembang. - ©BERNAMA

# KEJOHANAN PICKLEBALL SATUKAN WARGA PENDIDIK SEMPENA HARI GURU




**SESI bergambar ramai para pemenang Kejohanan Pickleball Dinkin' Lobsters: Class In Session di Pickleball Factory, Sungai Hanching.**

**Siaran Akhbar : Dinkin' Lobsters Pickleball Club**
**Foto : Ihsan Hadi Zakwan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 September. - Kejohanan Pickleball Dinkin' Lobsters: Class In Session telah diadakan baru-baru ini di Pickleball Factory, Sungai Hanching, dengan 12 pasukan menyertai pertandingan yang penuh semangat kesukanan dan kerjasama berpasukan.

Diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Guru, kejohanan tersebut adalah satu inisiatif bagi menghargai para guru, pendidik serta warga sekolah.

Kejohanan dimulakan dengan pusingan kelayakan yang berlangsung di Pickle Avenue, Selayun pada Khamis, 10 September dan Ahad, 13 September 2026, sebelum 12 pasukan meneruskan saingan ke peringkat *playoff* dan seterusnya perlawanan akhir.

Selepas melalui beberapa perlawanan yang sengit dan kompetitif, Allan Boak dan Tyrone Mpofu dari Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) muncul sebagai juara kejohanan.

Tempat kedua disandang oleh Suzeemin Haji Mohd. Taib dan Syazwan Azizi Haji Mohd. Taib, masing-masing mewakili Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya Sengkarai, Tutong dan Sekolah Rendah Birau, Tutong, manakala Nabawee Ahmed dan Hanafi Ismael dari Pusat Tingkatan Enam Sengkurong (PTES) menduduki tempat ketiga. Kejohanan Dinkin' Lobsters: Class In Session turut mencatatkan satu pencapaian tersendiri sebagai kejohanan *pickleball* pertama di Brunei yang didedikasikan khusus kepada golongan guru dan warga pendidik bersempena dengan sambutan Hari Guru.

Penganjuran sulung ini menerima sambutan yang amat menggalakkan dan berjaya dilaksanakan dengan jayanya, sekali gus memperlihatkan potensi sukan *pickleball* sebagai wadah untuk menggalakkan gaya hidup aktif, mengeratkan silaturahim serta menghargai jasa dan sumbangan para pendidik di negara ini.

Kejohanan ini dianjurkan oleh Dinkin' Lobsters Pickleball Club dengan sokongan dan kerjasama daripada ahli jawatankuasa, sukarelawan serta individu yang terlibat dalam pengurusan dan pelaksanaan acara.

Walaupun tidak kesemua mereka merupakan anggota rasmi Dinkin' Lobsters, setiap individu telah memberikan komitmen, masa dan tenaga bagi memastikan kelancaran kejohanan dari peringkat persiapan sehingga ke acara penutup.

Kerjasama erat yang diberikan oleh semua pihak terlibat mencerminkan semangat kesukarelawanan, kerja berpasukan dan komitmen bersama dalam menjayakan sebuah acara sukan yang bukan sahaja kompetitif, malah menjadi wadah untuk menghargai sumbangan para pendidik bersempena dengan sambutan Hari Guru.

Kejohanan tersebut turut mendapat sokongan daripada PicklePaddle BN dan Aman Power Store. Pihak penganjur merakamkan penghargaan kepada semua pasukan yang mengambil bahagian, para penaja, penyokong serta sukarelawan atas sumbangan dan sokongan yang telah membantu menjayakan kejohanan tersebut.

Acara diakhiri dengan penyampaian hadiah dan penghargaan kepada para pemenang, sekali gus menyemarakkan semangat kesukanan, kerjasama berpasukan serta semangat Hari Guru.

# Kejohanan Mini Al-Osrah eratkan komuniti badminton




**KEJOHANAN berkenaan memberi peluang kepada para peserta untuk bergandingan dengan ahli komuniti yang berlainan, mengeratkan silaturahim, membina persahabatan dan mewujudkan suasana pertandingan yang lebih inklusif.**

**Berita dan Foto : Ihsan Arena Al-Osrah**

**BENGKURONG**, Isnin, 21 September. - Arena Al-Osrah telah berjaya mengadakan Kejohanan Mini Komuniti Al-Osrah Volume 2, yang menghimpunkan ahli-ahli komuniti badminton Al-Osrah dalam suasana pertandingan yang kompetitif dan mesra.

Edisi kedua kejohanan ini mempertandingkan dua kategori, iaitu Beregu Lelaki dan Beregu Wanita, dengan penyertaan terdiri daripada pemain-pemain yang aktif menyertai Sesi Komuniti Al-Osrah dan Ladies Night.

Berbeza daripada kejohanan biasa di mana peserta mendaftar bersama pasangan masing-masing, Kejohanan Mini Komuniti ini menggunakan format pasangan secara rawak. Format tersebut memberi peluang kepada para peserta untuk bergandingan dengan ahli komuniti yang berlainan, di samping mengeratkan silaturahim, membina persahabatan baharu dan mewujudkan suasana pertandingan yang lebih inklusif.

Pertandingan Beregu Lelaki diadakan pada sebelah pagi, diikuti dengan pertandingan Beregu Wanita pada sebelah petang, bertempat di Arena Al-Osrah, Bengkurong Masin.

Kejohanan ini bukan sahaja memberi ruang untuk bersaing, malah merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Arena Al-Osrah dalam menyediakan lebih banyak peluang bermain serta mengembangkan komuniti badminton melalui sesi komuniti, perlawanan persahabatan dan kejohanan.

Volume 2 merupakan kesinambungan daripada Kejohanan Mini Komuniti Al-Osrah yang pertama pada Julai 2026, sekali gus mencerminkan perkembangan dan penyertaan berterusan dalam komuniti Al-Osrah.

Arena Al-Osrah merakamkan setinggi - tinggi penghargaan kepada semua peserta, ahli jawatankuasa, pegawai pertandingan dan penyokong yang telah sama-sama menjayakan kejohanan kali ini.

# Kejohanan Boling Kampung Serasa pupuk semangat kekeluargaan




**SESI bergambar ramai pada Kejohanan Boling Kali Pertama Peringkat Kampung Serasa yang berlangsung di Utama Bowling Centre, Batu Satu.**

**Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Serasa**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 September. - Kejohanan Boling Kali Pertama Peringkat Kampung Serasa telah diadakan di Utama Bowling Centre, Batu Satu, baru-baru ini.

Kejohanan berkenaan merupakan anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Serasa yang melibatkan sebanyak lima pasukan lelaki dan empat pasukan perempuan.

Kejohanan dimulakan dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Muhamad Irsyad bin Nor Isa.

Juara bagi kejohanan berkenaan disandang oleh Kumpulan MHHB FAMILY, sementara naib juara milik oleh HMS Family, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Lucky Striker.

Suasana kejohanan berlangsung dengan sangat meriah dan setiap pasukan menunjukkan semangat yang tinggi dalam usaha untuk merebut gelaran juara.

Semangat kekitaan dan kekeluargaan turut jelas terserlah dalam kalangan para peserta sepanjang kejohanan diadakan.

Pengurusan dan pengendalian Kejohanan Boling Kali Pertama Peringkat Kampung Serasa berkenaan ialah Awang Julaihi bin Mohamad. Beliau turut membimbing dan melatih para belia kampung dalam aspek pengurusan serta pengendalian kejohanan, sebagai persediaan untuk penganjuran aktiviti sukan pada masa akan datang.

Hadir sama pada kejohanan berkenaan, Ketua Kampung Serasa, Awang Abdurrahman bin Haji Othman.

Sementara itu, pemain terbaik akan dipilih untuk mewakili Kampung Serasa pada Kejohanan Boling Peringkat Mukim Serasa yang akan diadakan pada Oktober nanti.

PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# BERANGKAT MENGHADIRI MAJLIS SANTAP MALAM DAN RESEPSI TEAM QATAR



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam dan Resepsi Team Qatar yang diadakan sempena Sukan Asia Ke-20 Aichi-Nagoya 2026 (20th Asian Games Aichi-Nagoya 2026) (atas kiri dan atas kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Ke-20, 2026**

**NAGOYA, JEPUN**, Selasa, 22 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam dan Resepsi Team Qatar yang diadakan sempena Sukan Asia Ke-20 Aichi-Nagoya 2026 (20th Asian Games Aichi-Nagoya 2026), baru-baru ini.

Majlis berkenaan dianjurkan oleh Qatar Olympic Committee dan berlangsung di TIAD, Hotel Nagoya, Sakae, Nagoya, Jepun.

Majlis berkenaan merupakan salah satu acara sampingan yang diadakan bersempena penyertaan negara-negara anggota Olympic Council of Asia (OCA) di Sukan Asia Ke-20, yang berlangsung dari 19 September hingga 4 Oktober 2026.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ke majlis berkenaan mencerminkan hubungan dan kerjasama yang baik dalam kalangan Jawatankuasa-jawatankuasa Olimpik Kebangsaan (NOCs), di samping menjadi platform bagi mengeratkan silaturahim serta pertukaran pandangan antara pemimpin dan wakil-wakil sukan dari negara-negara Asia.

Majlis turut dihadiri oleh perwakilan NOC serta perwakilan-perwakilan NOCs dan badan sukan antarabangsa dari negara-negara yang mengambil bahagian dalam temasya Sukan Asia Ke-20 Aichi-Nagoya 2026.

# Atlet wusyu negara pamerkan aksi terbaik

**Siaran Akhbar dan Foto : Urus setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam Sukan Asia Ke-20, 2026**

**NAGOYA, JEPUN**, Isnin, 21 September. - Atlet wusyu negara, Hosea Wong Zheng Yu, menampilkan prestasi yang baik dalam acara Lelaki Taijiquan dan Taijijian pada hari kedua Sukan Asia Ke-20 Aichi-Nagoya Jepun 2026.

Hosea mencatatkan 9.656 mata dalam Taijiquan dan 9.686 mata dalam Taijijian, dengan jumlah keseluruhan 19.342 mata, sekali gus menduduki tempat ke-11 daripada 15 atlet.

Secara keseluruhan, persembahan Hosea memperlihatkan asas teknikal yang baik serta daya saing tinggi dan hanya terlepas kedudukan 10 terbaik dengan jurang yang amat kecil. Perlaksanaan pendaratan (*landing execution*) tidak seimbang menjadi antara perkara yang perlu diberikan perhatian nanti untuk dipertingkatkan.

Pada hari yang sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, berkenan menyaksikan persembahan atlet wusyu negara serta memberikan sabda nasihat dan kata-kata semangat serta sokongan kepada Hosea dan kepada atlet yang belum bertanding.

Sementara itu, Awang Mohammad Adi Salihin bin Roslan dan Abel Lim meneruskan persiapan dengan menjalani sesi latihan pada sebelah pagi dan petang sebagai persediaan menghadapi acara esok pagi.

Secara keseluruhannya, kesemua atlet terus menunjukkan komitmen dan disiplin di sepanjang keberadaan di sini.

Pengurusan bersama AINAGOC juga semakin lancar dan pihak penganjur dapat memberikan kerjasama kepada semua kontinjen-kontinjen sungguhpun masih terdapat cabaran dalam urusan logistik.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, berkenan menyaksikan persembahan atlet wusyu negara (kiri sekali dan kiri).**